

DEWAN MAJLIS**Selasa, 2 Rejab 1439/20 Mac 2018****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, SPMB., SNB., Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, SPMB., PSB., PJK., PIKB., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, SPMB., SNB., PIKB., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, DPMB., PJK., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Sulaiman, DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, SMB., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari

Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, iaitu hari yang kedua belas, Selasa, 2 Rejab 1439 bersamaan 20 Mac 2018 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad (Imam Jame' Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ segala puji dan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat keizinan-Nya, jua kita dapat lagi pada pagi ini berkumpul bersama-sama bagi meneruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang bagi hari yang kedua belas. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat.
الْحَمْدُ لِلَّهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini kita teruskan lagi untuk membincangkan Rang Undang-Undang (2018), Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Rang Belanjawan ini telah selesai dibaca bagi kali yang kedua dan kita masih lagi di peringkat penelitian untuk

membahaskan Jadual ini satu per satu di Peringkat Jawatankuasa.

Sehingga petang semalam dalam mesyuarat Peringkat Jawatankuasa yang kita adakan kita telah selesai meluluskan Tajuk-Tajuk bagi kementerian yang berkenaan.

Penyertaan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Tajuk-Tajuk dalam Jadual Rang Undang-Undang Perbekalan ini dalam membukakan soalan-soalan, pertanyaan-pertanyaan, cadangan dan saranan juga diberikan respons ataupun dijawab dengan panjang lebar oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Maka, bagi membolehkan kita menyambung untuk seterusnya Rang Undang-Undang Perbekalan, Yang Bergelar Rang Undang-Undang (2018), Perbekalan, 2018/2019 ini satu per satu, saya tangguhkan Majlis Persidangan Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Tajuk-Tajuk dalam Rang Undang-Undang (2018), Perbekalan, 2018/2019 petang semalam. Kita telah pun meluluskan

Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan sudah pun dijadikan kepada sebahagian daripada Jadual. Maka, kita akan berpindah ke Tajuk seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:
Tajuk SP01A - Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita beralih kepada perbincangan Anggaran Perbelanjaan Kewangan 2018/2019. Saya telah difahamkan bahawa Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 ini ada sebahagiannya belum lagi dapat diselaraskan. Oleh yang demikian kita tidaklah dapat membincangkan secara terperinci pada ketika ini. Memadailah, ia dibincangkan secara umum sahaja dulu.

Walau bagaimanapun, kita perlu meluluskan peruntukan Wang Kemajuan ini bagi tahun 2018/2019 yang berjumlah \$900 juta bagi membelanjai ataupun membiayai projek-projek yang telah dirancang dan yang sedia berjalan. Selain itu, peruntukan-peruntukan wang Kemajuan ini, telah banyak kita sentuh atau kita bincangkan dan percakapkan semasa membincangkan peruntukan-peruntukan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Oleh yang demikian, kita berpendapat tidaklah banyak lagi yang harus kita bangkitkan. Jika sekiranya pun ada pertanyaan-pertanyaan yang tidak dapat dijawab nanti oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II pada mesyuarat

ini, saya izinkan Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk memberikan jawapan atau responsnya secara bertulis kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Sekarang, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk menyampaikan Ucapan Pendahulunya mengenai Tajuk Perbelanjaan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي بَارَأَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ بِشَاكِرِينَ dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pemilihan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara dan penetapan peruntukan lebih dahulu dihadapkan oleh kementerian-kementerian kepada peneraju-peneraju strategi wawasan untuk memastikan projek berkenaan benar-benar relevan dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 serta dapat mendukung Tema Belanjawan Kewangan 2018/2019 iaitu "Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi bagi Memelihara Kemakmuran Negara".

Keberkesanan setiap projek akan diukur melalui sumbangannya ke arah pencapaian *national outcome*. Kaola ingin mengongsikan pencapaian projek di bawah RKN10 iaitu daripada 568 buah projek yang diluluskan sebanyak 454 buah projek ataupun 79.9% telah siap dilaksanakan. 43 buah projek ataupun 7.6% dalam peringkat

pelaksanaan, 37 buah projek ataupun 6.5% dalam peringkat tawaran dan 34 buah projek ataupun 6% dalam peringkat reka bentuk dan perancangan.

Yang Berhormat Pengerusi, pengagihan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara pada Tahun Kewangan 2018/2019 antara lain mengambil kira komitmen projek-projek yang telah siap tetapi masih ada tanggungan dan projek dalam pelaksanaan serta keupayaan kementerian-kementerian dalam melaksanakan projek-projek yang dirancang. Anggaran perbelanjaan Kemajuan bagi Rancangan Kemajuan Negara Tahun Kewangan 2018/2019 dicadangkan keseluruhannya sebanyak \$900 juta, iaitu peruntukan yang disediakan adalah untuk membiayai sebanyak 182 projek iaitu 151 projek baharu dan 31 projek yang ditunda dari RKN10 seperti berikut:-

1. Projek-projek yang sudah siap disediakan peruntukan sebanyak \$64 juta ataupun 7.1%;
2. Projek dalam pelaksanaan disediakan peruntukan sebanyak \$713.9 juta ataupun 79.3%; dan
3. Projek-projek dalam peringkat tawaran, peringkat reka bentuk dan yang masih dalam perancangan disediakan peruntukan sebanyak \$122.08 juta ataupun 13.6%.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengagihan peruntukan mengikut beberapa sektor utama seperti berikut:-

1. Sektor Pengangkutan dan Perhubungan disediakan peruntukkan terbesar sebanyak 63.8%;
 2. Sektor Penggunaan Awam diperuntukkan sebanyak 9%;
 3. Sektor Rampaian bagi membiayai perbelanjaan projek-projek yang sudah siap tetapi mempunyai tanggungan disediakan sebanyak 7.1%;
 4. Sektor Perindustrian dan Perdagangan diperuntukkan sebanyak 6.9%;
 5. Sektor Pembangunan Modal Insan disediakan sebanyak 5.6%;
 6. Sektor Perkhidmatan Sosial disediakan sebanyak 4.6%;
 7. Sektor Bangunan Awam disediakan sebanyak 1%;
 8. Sektor-sektor Sains dan Teknologi, Penyelidikan dan Pembangunan Inovasi diperuntukkan sebanyak 0.8%;
 9. Sektor Teknologi Maklumat dan Info-Komunikasi disediakan sebanyak 0.7%; dan
 10. Sektor Keselamatan disediakan sebanyak 0.5%.
- Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sehingga 15 Mac 2018, perbelanjaan sebenar RKN bagi Tahun Kewangan 2017/2018 berjumlah \$792.65 juta iaitu 79.2% dari peruntukan asal 1 bilion ringgit yang telah disediakan menjadikan jumlah perbelanjaan RKN10 sebanyak \$6,209.27 juta. Dalam pada itu, pihak Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan terus membuat pemantauan rapi bagi memastikan projek-projek RKN dilaksanakan mengikut jadual dan peruntukan yang diluluskan dengan mengambil langkah-langkah antara lainnya seperti berikut:-
1. Menggunakan RKN Projek *Management System* yang digunakan secara maksimum dan dikemaskinikan oleh agensi pengguna dan pelaksana;
 2. Mengadakan lawatan berjadual atau *surprise visit* ke tapak-tapak projek bagi memastikan progres fizikal menepati jadual yang ditetapkan;
 3. Memastikan cadangan perbelanjaan bagi setiap projek termasuk skop dan spesifikasi kerja diteliti secara terperinci bagi mengelakkan daripada pembaziran dan kerugian dalam perbelanjaan kerajaan;
 4. Penekanan hendaklah diberikan kepada *value for money* dan konsep guna sama; dan
 5. Perancangan perbelanjaan perlulah berdasarkan *standard rates* bagi kos binaan untuk bangunan atau projek-projek kerajaan supaya projek-projek tidak *over specified* dan

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sehingga 15 Mac 2018, perbelanjaan sebenar RKN bagi Tahun Kewangan 2017/2018 berjumlah

berlebihan fungsi dari keperluan sebenar.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekianlah yang dapat kaola sampaikan, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* apa jua persoalan yang berkaitan dengan pelaksanaan projek-projek kemajuan ini sudah tentunya dapat dijelaskan lagi oleh rakan-rakan sejawatan kaola di sini selaku agensi-agensi pelaksanaan projek-projek kementerian masing-masing. Walau bagaimanapun, memandangkan perbelanjaan Kemajuan telah digabungkan dalam perbelanjaan biasa, projek-projek Kemajuan ini mungkin telah pun dibincangkan semasa perbincangan belanjawan kementerian-kementerian pada beberapa hari yang lalu.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengenai huraian yang telah dijelaskan tentang struktur perbelanjaan bagi Kemajuan secara menyeluruh.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II itu tadi, bahawa segala penjelasan mengenai tujuan-tujuan serta butir-butir peruntukan bagi projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara ini telah disentuh sepenuhnya semasa menyampaikan huraian ucapan pendahuluan bagi perbelanjaan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang dicadangkannya

sebelum ini. Juga telah disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan dalam menghuraikan hala tuju belanjawan kementerian masing-masing.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan perkara-perkara yang sama berkaitan dengan tajuk ini berulang-ulang kita timbulkan, maka saya meminta kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat jika ada soalan-soalan yang hendak dikemukakan biarlah perkara-perkara itu perkara-perkara baharu yang belum kita bincangkan lagi.

Sekarang saya akan membukakan Tajuk Kemajuan ini untuk dibahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola membawa Tajuk Subsektor 1106 Gelaran 008 - Pembinaan Jejambat di Lebuhraya Muara Tutong/Persimpangan Perumahan Kampung Lugu. Di Dewan yang mulia ini kaola suka menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam atas kurnia projek yang disebutkan di atas. Mudahlah ia menjadi manfaat yang besar bagi kegunaan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di kawasan berkenaan. Mewakili rakyat Zon 5 sangat bersyukur atas projek berkenaan dan beberapa peruntukan dan kemajuan-kemajuan Zon 5 bagi tahun 2018/2019 seperti masjid baharu RPN Kampung Lugu, menaik taraf Pasar Jerudong dan lain-lain. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kepada Yang Berhormat Menteri yang suka untuk memberi respons, perkara ini ada hubung kaitnya dengan Kementerian Pembangunan saya kira. Nampaknya Yang Berhormat Menteri Pembangunan tidak ada bersama dengan kita. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian sekarang memangku jawatan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Adakah Yang Berhormat suka untuk memberikan respons terhadap soalan yang dikemukakan? Silakan.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian:

Yang Berhormat Pengerusi.

أَسْأَلُكُمْ عَلَى كَرَمِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari berkenaan dengan Subsektor 1106 - Jalan Raya yang di bawah Jabatan Kerja Raya yang sebenarnya Tajuk ini terpaksa kaola/hamba menjawabnya secara bertulis apabila kaola ada

mendapat maklumat berkenaan dengan Subsektor 1106 - Jalan Raya. Sekian sahaja yang dapat disampaikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat berjanji akan memberikan jawapannya secara bertulis terus kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

أَسْأَلُكُمْ عَلَى كَرَمِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat. Dalam Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara April 2018 hingga Mac 2019 ini.

Kaola ingin bertanya berkaitan dengan di muka surat 7 iaitu Subsektor 1112 - Gelaran Pengaliran Air iaitu Ceraian 001 - Membina Kolam Penahanan Banjir Daerah Tutong Fasa 1 dengan Peruntukan \$5.5 juta dan Ceraian 002 - Skim Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong yang diperuntukkan sebanyak \$6 juta. Dari peruntukan ini berapa buahkah yang dapat dilaksanakan?

Di kawasan manakah ia akan dibina? Mengenai Skim Pembangunan Pembaikan Dataran Banjir Sungai Tutong, setakat manakah pelaksanaannya? Kemudian Subsektor 1113 muka surat yang sama juga Gelaran Kemudahan Awam dan Alam

Sekitar Ceraian 007 - Kawalan Pesisir sepanjang pantai Kampung Danau.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 dinyatakan sebanyak \$7 juta, tetapi tidak ada dinyatakan Peruntukan 2018/2019. Adakah pembinaannya dalam masa terdekat ini? Terutamanya tebing di kawasan perumahan yang semakin kritikal dan jika ia dibina dari manakah peruntukan itu diperolehi? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian: Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Berkenaan beberapa soalan tadi mengenai beberapa projek dalam Subsektor 1112. Ini sama juga terpaksa kaola/saya menjawabnya secara bertulis jika adanya informasi dari Kementerian Pembangunan berkenaan dengan projek-projek tersebut, sekian sahaja.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian. Ia akan memberi jawapannya secara bertulis kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Mengenai projek-projek mungkin yang tidak ada bajetnya tahun ini menurut prosedur kita bermaksud projek-projek itu belum dapat dijalankan. Bila ia akan dijalankan itu terpulanglah kepada kementerian yang berkenaan terutamanya kemampuan Kementerian Pembangunan untuk melaksanakan projek-projek yang berkenaan itu.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Pengerusi. Soalan kaola *is more general*. Kaola ingin menyuarkan kebimbangan kaola mengenai kebanyakan Petunjuk Prestasi Utama yang disenaraikan dalam Buku Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara tidak banyak menyatakan pencapaian sebenar walaupun ia dari tahun-tahun sebelumnya.

Jumlah sebenar pencapaian tidak dipamerkan dan hal ini sangat penting untuk diketahui. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, RKN10 pencapaian yang dapat disiapkan cuma 79.2%. Pada pendapat kaola, amat penting bagi pihak kementerian dan pihak yang berkepentingan untuk mengkaji semula sasaran-sasaran mereka. Ini juga akan memudahkan persidangan seterusnya akan berlangsung dengan lancar kerana data-data yang diperlukan telah sedia ada. Kaola percaya bukan kaola sahaja, tapi ramai yang ingin mengetahui dengan RKN11 ini yang disenaraikan. Adakah ia akan membantu mencapai sasaran-sasaran seperti yang disasarkan oleh setiap pihak kementerian?

Bolehkah status Kemajuan RKN11 disenaraikan ataupun dimasukkan dalam Petunjuk Prestasi Utama supaya ia

dapat diteliti juga? Seperti yang dijelaskan Yang Berhormat tadi ada senarai untuk memaksimumkan RKN menggunakan *PMS*. Adakah ia dapat diselaraskan juga dengan menunjukkan dalam Petunjuk Prestasi Utama bagi setiap kementerian?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat tadi atas soalan dan cadangan yang baiknya. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini akan diambil perhatian. Brangkali boleh dikongsikan secara bertulis kemudian nanti **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman

@ Othman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang dirahmati Allah Subhanahu Wataala semuanya.

Saya akan mengutarakan mengenai Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara April 2018 hingga Mac 2019 dalam sub-sektor 1104 - Kemajuan Perusahaan dan Perindustrian dalam Ceraian 003 -

Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa 2.

Saya ingin bertanya mengenai Peruntukan yang dikhaskan bagi Kemajuan Negara Tahun 2018/2019 iaitu \$40,500,000.00.

Kaola ingin memohon penjelasan dari kementerian berkenaan iaitu adakah projek ini akan dijalankan pada Tahun Kewangan 2018/2019?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kalau boleh kaola menjawab soalan ini. Mengenai Fasa 2 Pembangunan Pulau Muara Besar yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa ke-2 ini tertakluk kepada kemajuan perundingan masa ini dengan sebuah *FDI* iaitu *Hengyi Industries* mengenai *development* Fasa ke-2. Masa ini masih lagi menjalankan Fasa 1. Tetapi Fasa 2 ini dikhaskan untuk Fasa ke-2 projek *Hengyi*.

Setakat ini belum lagi selesai perundingan dengan syarikat tersebut **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau sudah diputuskan mengenai rancangan Fasa 2 itu, Pembangunan Pulau Muara Besar Fasa 2 akan diteruskan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** perkara ini mudah-mudahan dapat diselesaikan perundingannya dengan *Hengyi* itu

dapat diselesaikan pada tahun ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta bagi membahaskan peruntukan yang berkenaan ini. Maka ada baiknya Tajuk SP01A - Kemajuan ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk meluluskan Tajuk yang berkenaan ini sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk Bab I iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. kita sedang membincangkan mengenai Tajuk Bab I iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa. Akta ini bolehlah digelar sebagai Akta Perbekalan 2018/2019 dan hendaklah mula berjalan berkuat kuasa pada **1 April 2018**. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa ini tidaklah perlu kita bahaskan.

Oleh yang demikian, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya

Tajuk Gelaran Pendek dan tarikh permulaan kuat kuasa akta ini diluluskan? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Bab I iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Bab I iaitu Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat **اللَّهُمَّ** kita telah sudah selesai membincangkan dan meluluskan Tajuk-Tajuk yang terdapat dalam Jadual Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah memberikan kerjasama yang selayaknya semasa perbincangan dan perbahasan Rang Undang-Undang ini sehingganya ia selesai.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya, saya mencadangkan supaya kita bersidang semula di Peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang
semula)**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. الْحَمْدُ لِلَّهِ kita telah selesai meneliti dan meluluskan Tajuk-Tajuk di dalam Jadual Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu per satu di Peringkat Jawatankuasa.

Kesemua Tajuk yang ada dalam jadual telah dibincangkan dan dibahaskan secara teliti oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri dan segala pertanyaan saya harap serta saranan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat telah dijelaskan dan direspons sepenuhnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan.

Saya juga difahamkan bahawa mana-mana soalan yang belum dijawab maka mereka akan berbuat sedemikian secara bertulis kemudian nanti. Oleh yang demikian, sebagai peraturan ataupun prosedur perundangan dalam meluluskan Rang-Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Rang Undang-Undang ini akan dibaca bagi kali ketiga sebelum Rang Undang-Undang tersebut ini diluluskan untuk dijadikan sebagai Akta. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Yang Berhormat Menteri Kewangan

II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam mesyuarat Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, kaola mohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Kewangan II, sebentar tadi telah menyatakan akan cadangannya supaya Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang**

tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu” untuk dapat dibaca bagi kali ketiga.

Saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan II dengan sepenuhnya. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II, dengan ini dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan.

Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju akan cadangan ini? Sila angkat tangan?

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju secara sebulat suara. Maka Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 ini diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

“Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu:”

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. Ia akan mula berkuat kuasa pada 1 April 2018.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bolehlah beralih kepada perkara lain dalam Susunan Kerja Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Dimulikan Jurutulis:

Perkara VIII - Ketetapan yang pertama iaitu Ketetapan Di Bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai Kertas-Kertas yang dibentangkan di atas meja. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Sebanyak 34 Perintah yang telah disenaraikan dan dikelilingkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Perintah-Perintah tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian daripada perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2017 dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun ini iaitu tahun 2018.

Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah-perintah ini, telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan untuk memastikan ia berjalan dengan teratur.

Oleh sebab Perintah-Perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan membincangkannya sebaliknya lebih bersesuaian untuk Perintah-Perintah ini diluluskan sahaja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang kaola sebutkan ini adalah seperti terdapat dan tersenarai dalam Kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1 Tahun 2018.

Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah Ketetapan yang berbunyi **"Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1 Tahun 2018 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu diluluskan"**.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar kenyataan daripada Ahli Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu tadi di bawah Fasal 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas No.1 Tahun 2018 iaitu 34 Perintah telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

untuk diguna pakai dan dicadangkan. Ia tidak perlu dibincangkan dan dibahaskan. Adakah antara seorang ahli daripada Ahli Yang Berhormat yang ingin menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اَلسَّلَامُ تَلِیْکُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

Wassalamu Ala Manith Tabaul Huda. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kaola menyokong akan cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan sebuah ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan perkara ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sebagaimana juga yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakannya ataupun kesemua undang-undang yang disenaraikan dalam Kertas No.1 Tahun 2018 telah pun diluluskan secara *Emergency Orders* dan sebahagian undang-undang tersebut telah pun berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini.

Oleh yang demikian, saya juga berpendapat bahawa perkara ini tidak perlu lagi untuk kita membahaskan maka ada baiknya ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan sebulat suara, maka ketetapan ini **diluluskan**.

Yang Dimuliakan Jurutulis:

Ketetapan yang kedua iaitu di bawah Bab 4 Ceraian (2) Dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggalaan 136) akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohammad Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
اَلسَّلَامُ تَلِیْکُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan bahawa **"Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggalaan 136)**

bahawa Perbelanjaan sejumlah \$900,000,000.00 untuk dibenarkan diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2018/2019” dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2018.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Butir-butir perbelanjaan kemajuan dalam tahun tersebut itu ada dinyatakan dalam anggaran-anggaran hasil dan perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2018/2019 yang dibentangkan atas meja sebagai Kertas No.2 Tahun 2018.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Cadangan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan di Peringkat Mesyuarat Jawatankuasa dan telah pun selesai diluluskan dengan tiada pindaan.

Maka kaola ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangkan.

Oleh yang demikian kaola ingin mencadangkan supaya Majlis ini membuat ketetapan bahawa Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti

yang dikehendaki oleh Bab (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggali 136) bahawa perbelanjaan sejumlah \$900,000,000.00 untuk dibenarkan diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tertentu di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2018/2019 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2018. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah mencadangkan sebuah ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggali 136).

Adakah Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan II sebentar tadi. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah mengemukakan sebuah ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan

(Penggal 136) Negara Brunei Darussalam dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua peruntukan wang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan dijadikan Akta.

Oleh yang demikian, perkara ini tidak perlu lagi kita bahaskan maka ada baiknya ketetapan ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

الْحَمْدُ لِلَّهِ semua Ahli Yang Berhormat bersetuju maka ketetapan ini diluluskan. الْحَمْدُ لِلَّهِ atas kerjasama dan kewibawaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah menyelesaikan dan meluluskan ketetapan-ketetapan dalam Perkara VIII dan di hadapan kita masih ada lagi satu perkara yang perlu kita selesaikan. Sebelum itu saya ingin mencadangkan supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini kita tangguhkan selama 15 minit.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara

disambung semula setelah kita berehat selama 15 minit.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Sebelum Mesyuarat kita tangguhkan tadi, kita telah pun menyelesaikan semua perkara yang ada terdapat dalam Susunan Kerja mengikut Peraturan 35. Pada hari terakhir Mesyuarat Usul Untuk Menangguhkan Mesyuarat hendaklah dicadangkan oleh salah seorang Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Selepas itu, mana-mana Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat ucapan dalam Ucapan Penangguhan ini, bolehlah berbuat sedemikian dengan secara memberi notis secara lisan. Tempoh untuk seseorang itu memberikan ucapannya ialah dalam masa 10 minit tetapi boleh ia meneruskan ucapannya itu, dengan lebih dahulu mendapat kebenaran daripada Yang Di-Pertua. Saya berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat semua akan dapat mematuhi peraturan ini.

Bersama saya, terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta dalam sesi Ucapan-Ucapan Penangguhan ini.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, akan mengusulkan supaya Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini ditangguhkan.

**Yang Berhormat Penasihat Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam dan Menteri di
Jabatan Perdana Menteri:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Terima kasih,
Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua, Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 1439 bersamaan 2018 sekarang sampai ke penghujungnya.

Kaola lebih dahulu merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, atas kebijaksanaan dan kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin dan memandu permesyuaratan dengan kemas dalam suasana yang harmoni, *transparent* dan muhibah.

Ucapan terima kasih juga kaola tujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, yang dengan cekap setiap hari menyusun perkara-perkara yang dimesyuaratkan dan juga kepada seluruh pegawai dan kakitangan yang bekerja keras bagi menjayakan permesyuaratan ini.

Seterusnya, penghargaan juga ditujukan kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah menyokong dan meluluskan pembentangan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2018/2019 yang membawa tema, "Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi Bagi Memelihara Kemakmuran Negara".

Kaola menghargai peranan seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan sekitar 40 isu berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Sumbangan buah fikiran yang ikhlas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sememangnya sangat-sangat diperlukan bagi membantu kerajaan amnya dan Jabatan Perdana Menteri khususnya, untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan.

Saranan dan maklum balas Ahli-Ahli Yang Berhormat, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* akan dijadikan sebagai nilai tambah dan input dengan sebarang penelitian dasar dan strategi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan khususnya di Jabatan Perdana Menteri berasaskan keutamaan dan keperluan. Saya ucapkan syabas kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan dan membuat kenyataan-kenyataan yang penuh dengan kebijaksanaan dan relevan mengenai perkara-perkara yang berfaedah kepada rakyat dan negara.

Peranan yang dimainkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Majlis yang mulia ini, sesuai dengan harapan yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, supaya Majlis akan dapat bersidang dengan ahli-ahli semua dapat mengemukakan buah fikiran serta seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara.

Saya sangat tertarik dengan *performance* Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik termasuk Yang Berhormat Ahli-Ahli Wanita, yang soalan-soalan dan kenyataan-kenyataan mereka itu nyatalah telah menunjukkan usaha mereka yang gigih pada mengemukakan maklumat-maklumat, fakta-fakta dan statistik yang telah mereka *research* dengan teliti. Cara Ahli-Ahli Yang Berhormat menyarankan soalan-soalan itu sesuai dengan titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, supaya semua Ahli akan terlibat memberikan pendapat atau pandangan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan kaola yakni Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan serta memberikan kenyataan yang begitu terperinci dan jelas mengenai jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah kementerian masing-masing.

Kaola dan rakan sejawatan kaola di Jabatan Perdana Menteri khususnya akan sentiasa bersedia untuk mendengar lebih banyak cadangan

dan saranan bernilai tambah yang menjurus kepada cara-cara meningkatkan produktiviti kerajaan dan menjana pertumbuhan ekonomi termasuk inisiatif-inisiatif bagi memakmurkan lagi hasil-mahsul negara.

Kaola berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat meneruskan per muzakarah di luar Dewan ini bagi membincangkan dan mencadangkan perkara yang dapat membawa perubahan besar seperti yang dihasratkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita semua hendaklah dengan sewajarnya sentiasa mengambil ingatan dan memahami situasi yang sedang dihadapi oleh negara. Kita hendaklah secara terus menerus bersatu padu dan bekerjasama dalam mendukung kepimpinan raja yang kita kasihi, raja yang sangat mengambil berat dan mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini dengan pendekatan *whole of nation* yang boleh diterjemahkan sebagai Negara Brunei Darussalam dan segala isi di dalamnya.

Kita semua selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sama ada sebagai individu, anggota masyarakat, kakitangan perkhidmatan awam, pekerja swasta dan lain-lainnya hendaklah menyahut seruan kerajaan untuk membangun negara sesuai

إِنْ شَاءَ اللَّهُ dengan peranan dan kemampuan kita masing-masing. Mudah-mudahan segala perancangan kerajaan akan sentiasa mendapat sokongan dan dukungan dari semua peringkat dan segala usaha akan membuahkan hasil seperti mana juga yang kita sama-sama hasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Perdana Menteri إِنْ شَاءَ اللَّهُ akan sentiasa mengalu-alukan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk datang berbincang pada menyuarakan dan mengemukakan pandangan serta cadangan bagi kebaikan kerajaan dan negara yang kita cintai. Kaola sekali lagi merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kesabaran memimpin persidangan dan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian atas sumbangan masa dan buah fikiran yang bernilai yang telah dihulurkan di Majlis yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Marilah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga kita semua akan sentiasa dirahmatinya dalam keadaan sihat walafiat, aman bahagia lagi makmur dan dipanjangkan umur. Amin Amin Yarabalalamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala maka kaola sukacita mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis

Mesyuarat Negara ini bagi tahun 2018/2019 ditangguhkan, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan Yang Telah Di beri Notis secara lisan akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan memimpin dan mempengerusikan Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal permesyuaratan hingga ke penghabisan.

Syukur الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang sesi perbincangan dan perbincangan kita di Dewan yang mulia ini ia berjalan dengan lancar dan penuh muhibah serta dalam suasana semangat permuzakarah dan hubungan silaturahim yang harmoni. Beberapa isu pandangan, cadangan dan saranan telah pun dibangkitkan dalam sama-sama kita menandai tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh ikhlas dan jujur serta bersikap terbuka yang

diharap akan dapat membawa dan memberikan kesan yang baik, positif dan produktif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam pembentangan cadangan Belanjawan Tahun Kewangan 2018/2019 dengan tema "Perbelanjaan Produktif, Berinovasi Bagi Memelihara Kemakmuran Negara", membawa dan memberikan mesej yang cukup kuat bagi setiap lapisan masyarakat baik dari sektor kerajaan, swasta dan rakyat serta penduduk di negara ini, mengambil peranan dan bertanggungjawab dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh dalam sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara akan terus dijaga.

Kerjasama erat daripada semua pihak amat diperlukan dalam sama-sama kita bersatu padu dalam mendukung hasrat Brunei maju. Penekanan dan pengukuhan sikap bersatu padu ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, yang antara lain titah baginda:-

"Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara".

Untuk ini semua kita diperlukan lebih dahulu bersatu padu, jangan berpecah

belah, pastikan semua usaha yang dibuat adalah secara muafakat, relevan dan menepati peredaran masa, inilah rahsia atau kejayaan bagi Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu, ke arah usaha dan inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan dalam sama-sama kita mencapai Wawasan Brunei 2035 ini, penting bagi kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini untuk percaya dan yakin akan kebolehan dan kemahiran pemimpin-pemimpin dan diri kita sendiri. Kita sudah banyak memiliki pengalaman dan ilmu dan sememangnya sudah cukup matang dalam menangani pelbagai cabaran.

Ada 3 nilai yang kita sebagai orang bangsa Brunei iaitu "berkarir", "berjariah" dan "beluriah" hendaklah sentiasa diterapkan dalam jati diri seluruh lapisan masyarakat khususnya dalam sama-sama kita mencapai hasrat negara sebagai sebuah negara.

بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ عَمُورٌ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kita sama-sama mengorak langkah membangunkan negara termasuk dalam fokus kita memperkukuhkan asas ekonomi agar ia menjadi lebih kukuh, luas, berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Janganlah kita lupa isu-isu yang tidak kurang pentingnya yang pernah kaola suarakan dalam Dewan yang mulia ini iaitu isu-isu kemantapan dan pengukuhan program-program yang melibatkan masyarakat setempat seperti Program Pengawasan Kejiranan

Kampung, Program Pemeduliaan Warga Emas dan golongan Orang-Orang Kelainan Upaya hendaklah terus diberikan perhatian dan ditangani secara kolektif.

Penerapan program-program kemasyarakatan ini bukan sahaja akan dapat menyumbang ke arah perpaduan negara tetapi juga ke arah pembentukan modal insan dan sifat-sifat dalaman yang sihat di setiap lapisan masyarakat yang mampu untuk merentasi semua peringkat generasi.

Selain itu, penekanan ke atas kepentingan-kepentingan dan keperluan pelaksanaan dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang hendaklah diambil serius. Mana-mana piawai kerja atau *standard of practice* hendaklah sentiasa diteliti dan dipantau serta dikemas kini mengikut kesesuaian dari masa ke masa agar ia sentiasa relevan dan masih diguna pakai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk mengakhiri, kaola ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pihak Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara atas bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada kami Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebagai penutup kaola ingin memohon maaf jika sekiranya ada terdapat tersilap kata, terkasar bahasa, tingkah laku yang kurang manis sewaktu menyampaikan hujah, pandangan, saranan dan persoalan sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat

Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dan diiringi doa semoga kita semua akan sentiasa sihat wal'afiat dan dipertemukan pada masa-masa yang akan datang. Amin Ya Rabbal'alamin.

Seikian وبالله التوفيق والهداية التامة بركاتكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang kedua ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pertama-tama, kaola merapakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya yang telah mentakbirkan kita bernegara dan berbangsa Brunei Darussalam di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pembinaan bangsa Brunei Darussalam hendaklah dipastikan bercalakkan MIB dan perlu diperhebatkan secara *whole of nation approach*. Ini sesuai dengan kemasyhuran, kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang telah

disebutkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan kekal buat selamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Falsafah MIB ini haruslah didukung oleh semua lapisan masyarakat. Ibarat pelayaran sebuah bahtera, kita hendaklah seluruh rakyat dan penduduk negara ini bersama-sama mengayuh bahtera itu dan bertekad untuk sampai ke "Pulau Harapan" *بِلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ* iaitu inti pati bagi Wawasan Brunei Darussalam 2035.

Dalam usaha menjayakan Wawasan tersebut, kita harus juga melihat aspek-aspek kebudayaan, kesenian, adat-istiadat dan lain-lain yang menjadi anasir kekuatan ataupun unsur kekuatan negara dan bangsa. Pendaulation bahasa melayu dan Tulisan jawi misalannya mesti diperkasakan secara *whole of nation*. Kita jangan ragu-ragu memperkasa dan memartabatkannya sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi negara yang telah dikanunkan dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Daulatkannya tanpa ragu-ragu dengan penuh bangga dan bersyukur.

Sesungguhnya bahasa Melayu dan Tulisan Jawi adalah khazanah kita. Khazanah yang patut kita jaga dan jangan disemberanakan kerana di kawasan sebelah sini iaitu negara Melayu Nusantara hanya kita satu-satunya negara yang masih mendaulatkan dan memartabatkan

bahasa Melayu dan tulisan Jawi selayaknya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dari perbincangan dan fakta-fakta yang telah kita dapati melalui Persidangan Dewan yang mulia ini, kita telah dapat melihat dengan jelas hala tuju negara kita sebagai yang saya sebutkan tadi iaitu inti pati bagi Wawasan Brunei 2035.

Marilah kita sama-sama bergerak secara holistik dan *whole of nation approach* dan menjayakannya dengan penuh iltizam dan komitmen dengan izin Allah jua hasrat murni ini akan dapat dijayakan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seluruh penduduk dan rakyat yang penuh taat setia.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang persidangan kita telah dapat melihat dengan gembira kita katakan bahawa sektor ekonomi telah dipedulikan sebaik-baiknya. Ada beberapa projek besar *FDI (Foreign Direct Investment)* seperti PMB (Pulau Muara Besar) dan lain-lain seumpamanya telah pun mula dilaksanakan. Ini satu langkah ke hadapan yang perlu dijayakan dengan penuh komitmen oleh seluruh organisasi yang berkepentingan.

Namun dalam hal yang sama, dalam keghairahan kita bagi mendapatkan pulangan ekonomi yang diperlukan oleh negara seperti yang dirancang, kita janganlah sekali-kali lupa memastikan bahawa kepentingan bangsa dan negara tidak akan diabaikan. Pemantauan yang

rapi hendaklah sentiasa dibuat agar projek-projek berkenaan benar-benar menepati hasrat dan aspirasi negara.

Itu sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kaola mengucapkan tahniah pada semua Ahli Yang Berhormat yang bersidang penuh dengan keharmonian, suasana yang mesra. Ini bertepatan dengan maksud firman Allah:

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا
 "Bersatu padulah kamu semua
 dan jangan berpecah belah."
 وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik.

بِسْمِ اللَّهِ dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua maka kaola dapat berdiri di Dewan Majlis yang mulia ini.

Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua

atas kesempatan memberikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini. Kaola menyokong penuh dan menyambut baik peruntukan Belanjawan 2018/2019 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Kaola bersyukur dan berdoa agar semua perancangan ke arah melaksanakan agenda Kemajuan negara akan mencapai hasrat yang diharap-harapkan

Ke arah itu, selaku rakyat, kita perlu melihat usaha ini sebagai usaha dan tanggungjawab bersama kemakmuran dan kesejahteraan serta kemajuan yang dinikmati hari ini dan akan datang adalah milik bersama dan generasi yang akan datang.

Adalah wajar selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam hendaklah sentiasa menyokong semua inisiatif yang dirancang oleh pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Perdekatan seluruh negara adalah pendekatan yang perlu diperkukuhkan sebagai budaya kerja dalam mewujudkan sebuah negara yang maju mempunyai masyarakat yang berwawasan serta cemerlang berdasarkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola merujuk Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, yang menyentuh mengenai kebersihan Brunei daripada sampah dan kekotoran. Kaola berpendapat bahawa kebersihan adalah identiti rakyat dan negara. Negara yang bersih mencerminkan rakyat yang bertamaddun dan negara yang aman makmur serta maju.

Dalam hubungan ini, seluruh rakyat dan penduduk seharusnya mengikis sikap perlu ditegur dan dikawal oleh undang-undang atau peraturan untuk melakukan kebaikan dan membuat perubahan. Menjaga kebersihan tanggungjawab semua pihak tanpa dipaksa. Ia dituntut dalam agama Islam. Dengan ini, kaola berharap agar usaha-usaha ke arah membudayakan masyarakat dengan cara hidup yang bersih dan sihat akan terus dikerahkan secara berterusan demi kepentingan bersama.

Dalam memantapkan ekonomi negara. Kaola melihat hampir semua kementerian mempunyai misi yang sama dengan mengetengahkan rancangan dan plan strategik untuk mengawal perbelanjaan ke arah yang lebih berhemah dan berusaha untuk meningkatkan hasil pendapatan.

Sudah tiba masanya, perlu berani dalam meneroka peluang-peluang yang boleh menjana ekonomi negara. Kepakaran anak-anak tempatan perlu diuji serta diberi peluang sepenuhnya untuk menambah kemahiran dan kebolehan cara berfikir dan akan menyumbang kepada pembangunan modal insan dan juga negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh soal Industri Padi. Kaola sentiasa menyokong penuh semua usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memperkenalkan benih padi baharu yang mampu meningkatkan hasil lebih banyak bagi menampung keperluan negara. Dalam masa yang sama, kaola juga melihat betapa pentingnya Industri Padi ini terus diperkasa melalui penglibatan seluruh rakyat adalah digalakkan untuk mengusahakan penanaman padi secara besar-besaran dan dilaksanakan dengan lebih efisien dan berdaya tahan.

Budaya berpadi hendaklah diteruskan agar misi dapat diteruskan dari generasi ke generasi. Sebagai langkah permulaan agar menanam padi secara tradisional perlu diteruskan melalui penanamannya yang lebih bersistem dan moden oleh generasi muda iaitu belia yang mempunyai semangat berwawasan dan sebagai menerusi generasi yang akan datang. Dalam masa yang sama usaha bagi meneroka produk-produk baharu dari sumber-sumber padi perlu dilakukan sebagai nilai tambah kepada industri padi di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai contoh di negeri Jepun, batang dan daun padi diproses untuk dijadikan kertas. Aktiviti gotong-royong merupakan budaya yang perlu dihidupkan, kerana ia merupakan kekuatan dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat. Penglibatan para belia dalam aktiviti ini perlu dimantapkan pelaksanaannya agar

budaya ini terus dipupuk bagi mewujudkan generasi muda yang berdaya maju serta bersemangat keusahawanan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan syabas dan tahniah atas kebijaksanaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan cemerlang. Begitu juga Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Akhirnya ucapan terima kasih ini ditujukan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang dan ruang untuk kaola bercakap serta memberi pandangan untuk membahaskan peruntukan Belanjawan Tahun 2018/2019. Semoga semua perbahasan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

Akhir kalam kaola mengakhiri ucapan ini dengan memohon maaf jika ada tersuruk langkah, tutur kata yang tidak sopan santun sekali lagi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang mesyuarat ini dijalankan, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad akan menyampaikan Ucapan Penangguhannya.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji

Arshad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Yang Di-Pertua terdahulu kaola mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberikan peluang untuk ikut sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan di Dewan yang mulia ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya serta rahmatnya selama 12 hari kita bersidang di Dewan yang mulia ini telah dapat berjalan dengan lancar.

Kaola mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan pimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua serta dengan dedikasi yang dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis.

الْحَمْدُ لِلَّهِ sepanjang persidangan telah berjaya memfokuskan Perbahasan Jadual bagi Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 sebagai agenda utama dalam persidangan di samping berjaya membincangkan persoalan-persoalan dan isu-isu lain yang tidak kurang pentingnya untuk disuarakan di Dewan yang mulia ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala dengan limpah

kurnianya kita dapat meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi \$4.6 bilion dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sepanjang permesyuaratan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat serta dengan berbekalkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang terhad, kaola berusaha sedaya upaya untuk menunaikan amanah besar di Dewan yang mulia ini dalam sama-sama membangunkan negara ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah banyak memberikan insentif cukai seperti kredit cukai sebanyak 50% atas jumlah gaji bagi pengambilan pekerja tempatan. Kredit cukai sebanyak 100% atas bayaran gaji pekerja yang dihantar berkursus, potongan tambahan bagi bayaran Caruman Tabung Amanah Pekerja (*TAP*) dan potongan tambahan bayaran gaji sebanyak 15 minggu bagi pekerja yang bercuti bersalin.

Dengan tertubuhnya Bank Usahawan, diharapkan akan dapat membantu lebih banyak usahawan terutama dari golongan belia akan dapat melibatkan diri kepada keusahawanan dan akan dapat membantu menggaji anak-anak tempatan dalam pekerjaan. Diharapkan

agar Bank Usahawan benar-benar mencerminkan ekonomi, membantu pengusaha tempatan bukan bersikap komersial seperti bank-bank yang ada pada masa ini dan juga akan dapat memberikan bimbingan dan tunjuk ajar mercu dan menjadikan usahawan berjaya,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan rendah diri, kaola memohon maaf sekiranya terdapat tersasul mahupun terkasar bahasa sepanjang permesyuaratan ini berlangsung. Yang baik itu ialah dari Allah Subhanahu Wataala, yang salah itu dari kaola sendiri, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan seterusnya disusuli oleh Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan penuh hormat, kaola lebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaannya dalam memimpin dan mempengerusikan Persidangan Mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan penuh lancar dan sempurna dari awal hingga ke penghujungnya.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta semua pegawai dan kakitangan Jabatan

Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan dalam menjayakan mesyuarat ini dengan sebaik-baiknya.

Antara objektif utama pihak kerajaan adalah untuk sentiasa meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam bagi memudahkan orang ramai untuk berurusan dengan pihak kerajaan. Pelbagai usaha telah pun dilakukan oleh pihak kerajaan, salah satunya adalah portal *e-Government* yang telah dilancarkan dan dilaksanakan melalui teknologi komunikasi maklumat.

Walaupun ia belum sampai mencapai potensi yang penuh tetapi kebelakangan ini terdapat peningkatan dalam pengenalan aplikasi *user friendly* ini oleh pelbagai kementerian antaranya seperti *Bru-HIMs*, *i-Centre*, *LARIS*, *Q-Up* dan *e-Invoice*. Aplikasi-aplikasi tersebut bukan sahaja akan dapat membantu dalam meningkatkan aktiviti kecekapan perkhidmatan awam tetapi ia juga dapat mengurangkan masa untuk menunggu.

Dengan penggunaan dan adaptasi teknologi komunikasi maklumat ini, ia diharap akan berterusan dan perkara ini hendaklah juga ditekankan bagi kesedaran orang awam. Selain itu, disarankan juga kelajuan *internet* dan sistem *hardware* hendaklah dinaiktarafkan untuk menguatkan lagi keberkesanan perkhidmatannya.

Merujuk *ease of doing business*, *TAFIS* dengan *e-Invoice* agar memanfaatkan pengusaha-pengusaha dengan membayar mereka

dengan segera dan cekap demi meningkatkan *cash flow* pengusaha-pengusaha. Ini wajar dengan misi Wawasan Brunei 2035 yang ingin mengamalkan urusan pentadbiran baik dengan lebih cekap, bertanggungjawab, responsif, berkesan dan telus. Dalam urusan pentadbiran yang baik ini, ia akan menaikkan lagi kedudukan Brunei dalam *ease of doing business*.

Sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin memetik kata-kata: *Every accomplishment start with a decision to try*.

Sekian sahaja yang ingin kaola sampaikan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Ke-7 akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah atas kebijaksanaan, kesabaran dan kesempurnaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin sepanjang Permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga pada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama yang diberikan kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas telah pun sampai ke penghujungnya. Syukur atas limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada rakyat dan negara dengan berkat kepimpinan berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehingga ke petang kelmarin, kita telah banyak membahaskan serta memberikan perhatian terhadap isu-isu negara untuk kepentingan rakyat serta pembangunan ekonomi negara seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jelas terlihat komitmen besar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan perkembangan negara melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk kesenangan rakyat walaupun disadari bahawa kemampuan kewangan negara terhad.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kita masih mampu untuk meluluskan sejumlah besar peruntukan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019. Ini menunjukkan kesungguhan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memeduli hal-hwal dan keperluan masyarakat.

Dalam Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini, kaola ingin menekankan lagi supaya apa sahaja yang telah dibincangkan dan dipersetujui akan dilaksanakan dengan segera oleh pihak-pihak yang berwajib untuk mengelak perkara-perkara tersebut dipersoalkan lagi. Ini juga akan lebih memberikan keyakinan kepada masyarakat terhadap pengurusan pihak kerajaan yang serba mencabar ini.

Seperti ulasan kaola pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara sebagai negara Melayu Islam Beraja, kita digalakkan untuk mengadakan musyawarah, syura bagi mendapatkan solusi yang mantap, memperoleh pendapat yang bijak, terhindar dari kesalahan, terjaga dari celaan, dijauhi daripada kekecewaan dan lain-lain lagi.

Koala berharap agar cadangan kaola untuk membincangkan akta-akta yang akan datang bersama-sama ahli-ahli yang berkepentingan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat, agensi-agensi berkepentingan di peringkat pemimpin-

pemimpin akar umbi dan masyarakat mahupun serantau dan juga *NGOs*, sektor swasta yang difikirkan mampu memberikan buah fikiran sebelum ia dihadapkan dan diluluskan pada peringkat-peringkat yang seterusnya terutama sekali peringkat Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan selanjutnya.

Ini untuk memastikan bahawa akta mahupun undang-undang tersebut saksama dan dapat menguntungkan semua pihak terutama sekali masyarakat kita jika ia akan dikuatkuasakan kepada orang ramai.

Kaola percaya akan pentingnya ketelusan atau *transparency* antara kerajaan dan masyarakat. Masyarakat juga dapat memahami atas sebab apa sesuatu akta atau undang-undang itu akan dilaksanakan. Bukan sahaja pelaksanaan akta-akta bahkan *master plan* program-program ataupun inisiatif pihak kerajaan rancangan-rancangan kemajuan yang telah dirancang untuk dapat difahami dengan lebih jelas oleh masyarakat.

Mengenai kaedah *PPP* pula, kaola berpendapat yang ia masih perlu diberikan perhatian terutamanya mengenai syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang ada untuk dikaji semula sebelum ia ditawarkan kepada pihak swasta.

Ini kerana syarat-syarat dan kriteria-kriteria untuk memulakan *PPP* berkemungkinan berisiko tinggi yang tidak menguntungkan salah satu pihak

dan lihatlah kaedah *win-win situation*. Jika kaedah ini dapat dikaji semula kaola sangat yakin ia akan menarik minat sektor swasta untuk membuat pelaburan dan secara langsung menjana pendapatan pihak kerajaan.

Ada perlunya juga pihak kementerian berusaha untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui aset-aset yang ada. Terutama sekali aset-aset yang terbiar untuk menjana pendapatan dan akan dapat membantu menjimatkan perbelanjaan negara.

Merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu Hari Kebangsaan Yang Ke-34, baginda menekankan bahawa negara memerlukan generasi muda yang menerajui pembangunan dan belia juga biasanya kaya dengan idea-idea baharu yang pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran.

Kaola percaya belia yang dimaksudkan bukanlah hanya yang datang daripada kalangan sektor swasta sahaja, kerana perlunya ada keseimbangan iaitu suara-suara belia dalam kalangan penjawat awam juga sangat penting dalam sama-sama memajukan negara.

Para belia disarankan supaya berani menyuarakan pendapat mereka yang difikirkan positif untuk membangun masyarakat dan negara. Para belia ini juga harus tampil berani dan positif untuk menyuarakan kebimbangan dan isu-isu penting untuk pemimpin

organisasi mereka bukan hanya setakat pada satu *channel* suara sahaja.

Mengenai pelaksanaan apa-apa projek rancangan ataupun kemajuan pula serta pembaikan, pihak-pihak yang berwajib seharusnya konsisten dalam merealisasikannya. Jangan hanya memberi penjelasan yang kabur bersahaja tanpa melakukan apa-apa tindakan yang seharusnya dilaksanakan sehingga terjadinya proses penangguhan yang sangat lama.

Disini adanya keperluan bagi pihak tertentu untuk memberi perhatian betapa perlunya ketelusan supaya orang awam tidak akan salah faham akan sesuatu proses yang harus dihadapi pihak yang berwajib.

Salah satu langkah sebagai *whole of nation approach*, adalah untuk memastikan apa yang dibahaskan ini berkesan dan kita seharusnya mengamalkan sikap *turning words into actions*. Ini penting untuk diusahakan oleh pihak yang tertentu supaya apa yang akan dilaksanakan tidak sia-sia bagi masyarakat.

Bukan itu sahaja, pihak tertentu haruslah membuat keputusan yang pantas dalam memastikan sesuatu projek atau rancangan itu berjalan dengan lancar. Sebagai penutup kaola ingin menyampaikan beberapa rangkai pantun:

*Peruntukan tahunan telah diluluskan,
Tanda tamatnya persidangan Majlis
Mesyuarat Negara Keempat Belas,*

*Tiba masanya kita bersatu
merealisasikan wawasan demi bangsa,
agama dan negara,*

*Perbahasan positif demi membangun
negara,*

semangat patriotik dirasa bersama,

*Teguhnya negara kerana pemimpinnya,
Mampan bangsa kerana rakyatnya.*

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimulikan Jurutulis: Ucapan Penangguhan Ke 8 Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafini binti Abdul Haadi:

السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya dengan hati yang tulus ikhlas menyokong ucapan yang telah disampaikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan terima kasih kerana diberi peluang bersama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk menyampaikan Ucapan Penangguhan di Majlis Mesyuarat Negara yang Keempat Belas.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur dalam selama dua minggu berpanjangan kita berkongsi pendapat di Dewan yang

mulia ini dan persidangan telah dapat berjalan dengan lancar. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan dengan penuh kesabaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga dibantu dengan dedikasi Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan semua kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Sepanjang persidangan, kita telah berjaya membahaskan Anggaran Rang Undang-Undang 2018/2019 sebagai agenda utama disamping berjaya memandu persoalan, perbahasan sebagai cadangan dan isu lain yang mencerminkan kebimbangan dan harapan rakyat dan penduduk Brunei Darussalam untuk disuarakan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Istiadat Pembukiaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara, baginda menyarankan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya memberikan pendapat atau pandangan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Izinkan saya

menyuarakan beberapa peringatan. Kepentingan pelaksanaan *whole of nations* patutnya ditangani oleh lapisan masyarakat dan bukan sahaja tertumpu kepada bahagian-bahagian tertentu atau yang terlibat sahaja, kefahaman dan kesedaran tujuan ini dapat dilaksanakan melalui makluman dan cara implementasi atas semua peruntukan dan cadangan yang akan dijalankan.

Pelaksanaan pembangunan kapasiti tenaga manusia melalui skim-skim yang terdapat iaitu *i-Ready* pusat perkhidmatan kapasiti, *industry competency framework* yang menunjukkan permulaan hasil amat positif dan perlu sokongan penuh dari pihak swasta untuk membolehkan graduan dan belia mengambil peluang-peluang ini dan membuka minda mereka untuk mencapai potensi.

Seperti cadangan jua mungkin sebahagian daripada pembinaan kepimpinan ada potensi untuk skim intensif dilaksanakan dalam pengambungan *MPK* untuk melaksanakan kepimpinan belia *uplift* dari akar umbi dan pada masa yang sama di kampung dan mukim masing-masing.

Peranan *ease of doing business* bukan sahaja untuk *bench marking* tetapi ia mesti dilaksanakan supaya ia menjadi dan berusaha untuk menyediakan persekitaran untuk memupuk kepimpinan, keusahawanan dan kreativiti akses kepada pengetahuan, pengalaman, inspirasi dan rangkaian

menyumbang kepada masa depan negara. Semuanya sekarang kitani tangani untuk membangunkan dengan kukuh perusahaan yang berpengalaman dan berpandangan jauh untuk memajukan di luar negeri demi kepentingan ekonomi pembangunan negara.

Melalui lebih banyak program jangkauan (*outreach station*) dan pendekatan yang bergantung pada perniagaan tempatan (*local business independent*). Kita dapat menegaskan kembali kepercayaan masyarakat untuk berusaha menuju ke Wawasan Brunei 2035. Pada masa yang sama, cadangan-cadangan yang perlu dilanjutkan dan fahami realiti perjuangan dan cabaran harian setiap individu, unit keluarga, peserta kampung dan anggota komuniti.

Di bawah kepimpinan raja yang amat disayangi oleh rakyat dan penduduk, apa-apa cabaran, kami menghadapi boleh mempunyai beberapa kejayaan yang mencukupi. Tetapi matlamat jangka panjang mestilah berpegang teguh kepada apa yang dimaksudkan sebagai orang Brunei dan apa ertinya berbangga dengan warisan kita, kebiasaan kita, dan aspirasi kita.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimulikan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke 9 akan dibawakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaannya memimpin Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dengan lancar dan penuh bermakna serta dalam suasana aman.

Kaola juga tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar soalan-soalan juga saranan-saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik, dan memberi penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek di kementerian masing-masing.

Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, peranan belia bukan sahaja ditekankan selaku pemimpin pada masa akan datang tetapi juga pemimpin masa kini. Pendekatan dan pendedahan para belia penting bagi melatih minda dan semangat mereka untuk menjadi lebih cecal, menempuhi cabaran global termasuklah kemelesetan ekonomi, pengganguran dan perubahan iklim.

Belia adalah penggerak pembangunan dan belia jugalah yang akan memimpin negara ini apabila kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Perbanyakkanlah lagi perbincangan dengan para belia. Berilah mereka kefahaman tentang isu-isu agar mereka dapat menyumbang dengan lebih sempurna.

Platform-platform yang bersesuaian seperti *town hall* dapat membantu memberi peluang kepada para belia untuk menyumbang idea dan melibatkan diri dalam pembangunan negara. Sumbangan, pengorbanan dan pencapaian para belia kitani pada arena global menunjukkan potensi kita untuk terus maju ke hadapan.

Di sektor kerajaan dan swasta juga, perlu adanya sikap terbuka dalam menerima idea-idea baharu dan bukanlah sekadar *business as usual* keadaan ekonomi negara yang tidak stabil bukannya satu fakta yang disebut berkali-kali untuk menakutkan atau membuat orang panik. Tapi sepatutnya dijadikan sebagai satu dorongan untuk berusaha dengan lebih kuat mencari alternatif yang bersesuaian dengan keadaan pada masa kini.

Kita perlu meningkatkan pelancongan di negara ini, bukan hanya melalui sumber semula jadi, kebudayaan dan *Islamic tourism* tetapi juga di mana-mana sektor lain yang boleh menyumbang kepada pelancongan seperti pelancongan perubatan (*medical tourism*) dan menarik pelajar antarabangsa persendirian untuk datang ke Brunei.

Di sinilah *IT* dan infrastruktur memainkan peranan yang sangat penting dalam memudahkan maklumat untuk dikongsi dan aktiviti-aktiviti dijalankan lebih sempurna.

Dalam era teknologi maklumat ini, *information is king*. Pada masa yang sama, kita selaku pengguna haruslah menggunakan akal dan bijak mempercayai maklumat yang boleh disahkan.

Budaya untuk membuat sesuatu untuk menjadi *viral* tidak haruslah dianggap sebagai suatu penghalang bagi negara, tetapi sebaliknya sesuatu yang boleh digunakan untuk memberi manfaat. Gunakalah tabiat menjadikan *message viral* itu untuk berkongsi amalan yang baik, menggalakkan tingkah laku yang terpuji dan menyatukan negara.

Dari segi menjaga kebersihan itu memanglah tanggungjawab semua tetapi pihak kerajaan juga memainkan peranan dalam penyediaan infrastruktur bagi memastikan pengurusan sampah yang sistematik. Badan-badan sukarelawan cuma dapat membantu melalui aktiviti bergotong-royong dan pendidikan tetapi keluarga memainkan peranan untuk memupuk tabiat menjaga kebersihan.

Dalam penjagaan alam sekitar dan meneraju pembangunan mampan, kita juga patutlah menggalakkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (*renewal energy*) melalui subsidi dan infrastruktur yang bersesuaian termasuklah *feed in Paris*

selari dengan hasrat negara di bawah *Paris Agreement*.

Dalam sektor perhubungan, kita patutlah melihat kepada membolehkan lebih banyak akses ke negara ini melalui *open port* dan *open air* untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan masuk dan meningkatkan KDNK negara. Kaola menyambut baik dan menyokong pelaksanaan sistem pengangkutan darat yang lebih efisien dan mampu meningkatkan *connectivity* dalam negara.

Ia haruslah dibuat secara berkala dan di samping itu perlahan-lahan mendidik pengguna bagi menggalakkan lebih banyak penggunaan pengangkutan awam. Saya kongsikan kata-kata dari bekas Dato Bandar Bogota; "*A develop country is not a place whether poor have cars its whether rich use public transports.*"

Graduan-graduan dari mana-mana bidang dan taraf pendidikan haruslah diberi peluang untuk dilatih agar menjadi industri *ready*. Pendidikan akademik haruslah digandungi dengan aktiviti kokurikulum agar memberi pendedahan awal melalui pelbagai kemahiran dan juga membuka minat baharu melalui penerokaan dan menimba pengalaman.

Pembangunan yang maju tidaklah bermakna sekiranya kita tidak mengambil kira peranan dan penglibatan sektor-sektor masyarakat secara inklusif. Kita seharusnya memikirkan juga kebajikan bagi mereka

yang tidak boleh bercakap untuk diri mereka sendiri seperti kanak-kanak, Orang Kelainan Upaya, orang kurang bernasib baik dan belia tercicir.

Pada masa akan datang, kaola berharap kita tidak lagi perlu sekadar berjuang untuk mereka, tetapi mereka sendiri diberikan peluang yang adil untuk menyumbang buah fikiran dan melibatkan diri mereka.

Akhir sekali ialah kesihatan mental juga perlu dijaga, ia melibatkan setiap peringkat umur dan tidak ketara namun boleh memberi kesan kepada masyarakat. Perbincangan kita dalam masa dua minggu ini diharap akan dapat membuah hasil yang positif.

Isu-isu yang telah dibangkitkan adalah isu rakyat dan idea-idea yang diberikan dapat dijadikan satu platform bagi meneruskan perbincangan ke arah *whole of nation approach*. Rakyat tidak patut bergantung pada kerajaan tetapi kerajaan bertanggungjawab untuk memudahkan dan mengatur kemajuan supaya dapat dicapai oleh semua.

Kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, kaola juga tidak lupa untuk memohon maaf jika terdapat sebarang perbuatan yang kurang sopan dan percakapan yang menyinggung perasaan yang sengahaja atau tidak sengahaja.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية التمسك بكم خير حمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad menyampaikan ucapan penangguhannya.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin dan menguruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir dengan sabar, tekun dan penuh kewibawaan.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan yang mendengar, menerima cadangan dan juga seterusnya memberi penerangan dan apa yang kaola masih lagi hargai juga turut memberi nasihat ke atas usul-usul dan pertanyaan yang dibawa.

Kaola tidak lupa mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada Yang Mulia Timbalan Jurutulis, semua pegawai serta kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Tidak lupa juga sokongan dari semua agensi yang hadir di Dewan majlis

mahupun orang awam yang mengikuti dari luar sana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyambut baik jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan mengenai perkara-perkara yang diutarakan pada tahun ini. Kitani telah membincangkan mengenai banyak agenda kebangsaan kitani. Antara perubahan-perubahan besar yang diharap dapat diusahakan bersama-sama ialah:

1. Mempromosikan keusahawanan sosial ataupun *social enterprise*;
2. Mengadaptasi revolusi industri 4.0;
3. Mengurangkan pelepasan karbon negara;
4. Membina kapasiti orang kitani dari segi keusahawanan, pendidikan dan kemahiran;
5. Memberi perhatian kepada kesihatan mental serta kesihatan reproduktif;
6. Menghidupkan semula kongres belia kebangsaan; dan
7. Memperbaiki sistem perkhidmatan pengangkutan awam.

Di sini kaola menyokong penuh saranan dan nasihat daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang berkenaan serta Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membawai belia kitani di sektor pertanian, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, sukarelawan dan

lain-lain lagi. Sama-samalah kitani membawai belia kitani janganlah sekadar untuk diarahkan sahaja kerana kami para belia setentunya mahu menjadi sebahagian daripada usaha bersama-sama memajukan negara.

Ini sesuai dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 pada tahun 2013 yang berbunyi: "*Untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal peneraju kepimpinan pada masa akan datang. Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan.*"

الْحَمْدُ لِلَّهِ pada musim Persidangan pada tahun ini, rata-rata respons dan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan cukup komprehensif dan ia membuktikan komitmen kitani untuk berusaha secara *whole of nation approach* dengan melibatkan semua pihak.

Kaola cuma ingin menyambut baik usaha pihak yang berkenaan seperti yang disebutkan iaitu untuk meneliti semula kesesuaian mengenai *maternity leave*. Perkara ini sesuatu yang penting kerana *postpartum depression* dan komplikasi selepas bersalin memerlukan sokongan seorang suami lebih daripada ahli keluarga yang lain dan juga ada suami-suami yang bergaji hari yang tiada hak cuti tahunan mahupun bertugas sebagai seorang guru dan cuma cuti sewaktu cuti persekolahan

ataupun pekerja swasta yang cuti tahunan mereka adalah terhad.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola juga menyeru mana-mana orang ramai atau agensi-agensi yang ingin bermuzakarah dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya dapat berbuat demikian dengan secara berhemah, bersatu padu dengan semangat kenegaraan yang tinggi dengan memberi pendapat abiskita dan menolong kitani sebagai sebuah negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus mendengar dan berbicara bersama abiskita dan menolong mana-mana yang termampu. *Engagement* bersama semua pihak termasuk pihak kerajaan, swasta dan orang ramai akan terus dilaksanakan sepanjang tahun, .
إِنْ شَاءَ اللَّهُ .

Izinkanlah kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini dengan sebuah pantun nasihat daripada orang tua-tua kitani yang masih lagi menyuntik semangat kepada kaola untuk berkhidmat kepada negara dan diharap ia menyuntik semangat kitani jua. Pantun yang berbunyi:

*Di mana letak manis bahasa,
Kalau bukan pada tuturnya,
Di mana letak aset negara,
Kalau bukan pada belianya.*

Sekian, وَبِإِذْنِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ السَّامِعَاتِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةِ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penungguhan yang ke-11 yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan salam
sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun bersidang dengan jayanya.

Kaola juga turut bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat-Nya jua persepakatan telah pun dicapai jua dalam semua perkara khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2018), Perbekalan, 2018/2019 bagi semua kementerian.

Semoga dengan berkat serta rahmat Allah Subhanahu Wata'ala juga akan dapat membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan rancangan pembangunan negara dengan teratur dan berjaya demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial serta menjamin

kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan penuh hormatnya kaola sukacita ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu dengan kepatuhan dan kesediaan Ahli-Ahli Yang Berhormat menerima apa jua arahan, maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dapat dipimpin dengan baik, lancar dan penuh dengan suasana harmoni.

Walau bagaimanapun, kaola rasakan bahawa menyampaikan suara, pandangan, cadangan dan keluhan penduduk di zon kaola sendiri menerusi perbincangan dan perbahasan pada musim permesyuaratan ini amat terhad sekali.

Maka, perlu bagi abiskaola meneruskan dalam menyumbang dan menyampaikan apa jua perkara yang perlu disampaikan kepada mana-mana kementerian atau jabatan sama ada melalui persuratan, persemukaan dua hala dan melalui permesyuaratan kerana inilah Allah Subhanahu Wata'ala anjurkan sebagaimana firmanNya dalam surah Al-Imran, Ayat 159 yang mafhumnya: "*dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan keduniaan itu. Kemudian, jika Engkau (Muhammad) telah berazam menetapkan sesuatu maka bertawakallah kepada Allah kerana Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal (setelah berusaha).*" Ketahuilah bahawa

segala persoalan, pandangan dan cadangan abiskaola semua itu adalah dengan hasrat untuk sama-sama mengambil saham dalam memikir secara terbaik untuk membangun negara yang kita cintai.

*Tanam selasih di tengah halaman,
Sudah bertangkai rumpun berbunga,
Niat bersih memberi pandangan,
Hasrat tercapai, usaha terlaksana.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam penanguhan ini kaola ingin memfokuskan beberapa perkara:

1. Usaha kerajaan dalam menyediakan program dan inisiatif ke arah memajukan negara. Dalam hal ini, apa yang kaola ingin tekankan ialah perlunya pelaksanaan tersusun dan teratur sehingga ia benar-benar mengeluarkan hasil yang diharapkan dan bertahan lama.

Jangan sampai kembang diawal layu di hujung. Apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Negara Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini perlu diambil perhatian bahawa Baginda bertitah "*Pengurusan adalah segala-galanya, maka semua program semua inisiatif dalam menjana ekonomi membangun kapasiti dan membina modal insan perlu ditangani dan diurus dengan bijaksana.*

Pengurusan yang baik akan menghasilkan yang baik."

Dalam hal ini, seluruh rakyat perlu memainkan peranan untuk memajukan diri dan meningkatkan lagi usaha-usaha menjana ekonomi dan pembangunan. Agensi-agensi kerajaan perlu cekap dan bijaksana dalam mengurus sumber-sumber negara.

Begitu juga pembangunan sumber manusia perlu sentiasa diberi perhatian. Kita amat memerlukan komitmen dan usaha-usaha bersepadu dari semua pihak, semua sektor swasta dan memastikan segala perancangan dapat berjalan rancak dengan mencapai sasarannya.;

2. Fokus kaola ialah amanah dan tanggungjawab. Kaola ingin merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan penghargaan kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peruntukan-peruntukan yang telah disediakan demi membiayai segala projek dan program yang difikirkan perlu untuk kemajuan negara.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini membawa mesej yang penting bahawa pegawai-pegawai yang di pertanggungjawabkan mengurus

tadbir hendaklah menanai amanah dengan penuh jujur dan ikhlas bagi setiap inisiatif program dan projek akan berjalan dengan lancar dan menepati objektif yang telah disasarkan.

Bercakap mengenai objektif kaola amat tertarik dengan titah baginda semasa Persidangan Khas Menteri-Menteri Kabinet pada 7 Februari 2018 bahawa baginda bertitah *"Maka sempurnakanlah kerja-kerja membangun itu, jangan hanya tahu membuat longkang besar tetapi jalan raya ditakungi air kerana air tersekat tidak dapat mengalir air ke longkang. Pelajari ini apa sebabnya dan di mana salahnya? Pihak berkenaan perlu mencari sebab itu dan kemudian mengatasinya."*

Pada pendapat kaola, jika benar-benar diselami titah baginda ini ia boleh dianggap sebagai satu analogi yang boleh dijadikan panduan bagi mana-mana projek kerajaan. Setiap projek yang dilaksanakan hendaklah mencapai fungsinya, jangan hanya nampak di atas kertas tetapi kesan atau impaknya masih sahaja belum dapat dirasai.

Kadang-kadang usaha perbaikan tidak memerlukan peruntukan yang tinggi tetapi hanya memerlukan dedikasi dan pengamatan yang dalam untuk mencari punca masalah kerana projek itu tidak menepati objektifnya; dan

3. Penglibatan para belia dalam pembangunan negara. *Mindset* untuk bergantung kepada kerajaan tidak perlu dihakis. Atas keprihatinan serta kebijaksanaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Muizzaddin Waddaulah dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kita terus sahaja menikmati kemakmuran kualiti hidup tinggi di rantau Asia ini.

Oleh itu, kita sangat beruntung untuk menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Kaola menyeru agar kita semua bersama-sama berganding bahu dalam mempertahankan kemakmuran, kesejahteraan yang telah dicapai di samping mendukung usaha kerajaan dan menghormati sebarang undang-undang dan peraturan yang telah diperuntukkan oleh kerajaan demi membangun negara.

Sekian sahaja dahulu daripada kaola dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola ingin memohon maaf atas segala kesilapan sepanjang mengikuti Persidangan Majlis Mesyuarat ini.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan ke-12 oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Khamis: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Pertama-tama marilah kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana-Nya juga kita masih bernafas diberikan kesihatan dan diberikan ruang masa yang membolehkan kita sama-sama hadir dalam rangka acara Ucapan Penangguhan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Keempat belas Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2018.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan keemasan ini, kaola terlebih dahulu merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah berjaya mempengerusikan dan memimpin persidangan dengan bijaksana serta dalam suasana yang harmoni dan muhibah.

Tahniah serta terima kasih juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis atas kerjasama yang diberikan sepanjang Permesyuaratan ini berlangsung. Kaola juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat Rasmi kerana Jawatan yang begitu tabah mendengar pendapat-pendapat dan saranan-saranan serta soalan yang diajukan oleh

Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan memberikan penjelasan-penjelasan kepada program-program kemajuan dan perkembangan serta pelaksanaan projek-projek kementerian-kementerian masing-masing sama ada yang telah berjalan mahupun yang akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Yang Keempat belas Majlis Mesyuarat Negara Bagi Tahun 2018 pada 5 Mac 2018 yang lalu hingga ke hari ini banyak perkara disentuh, dibincang dan dibahaskan terutama dalam bidang ekonomi dan kemajuan negara bagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta negara yang kita kasihi ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Walaupun permintaan global meningkat dan harga minyak mulai pulih pada kadar yang mengalakkan, namun pertumbuhan ekonomi tetap sahaja diramal masih berada pada paras yang rendah. Ini sudah pasti sedikit sebanyak memberikan kesan kepada negara kita yang menjadi salah sebuah negara pengeluaran minyak.

Ini pula menyebabkan pendapatan negara berkurangan dan setentunya semua pihak patut menggunakan peruntukan secara berhemah dan

berhati-hati. Ke arah ini kaola berpendapat dan mencadangkan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat diberikan peluang untuk mereviu setiap suku tahun.

Apakah peruntukan yang sudah disahkan dan diluluskan itu benar-benar menepati sasarannya dan bagi memastikan ia tidak terjadi isu-isu ketirisan dan penyelewengan. Adalah amat penting juga setiap kementerian dan jabatan memiliki sistem pengawalan kewangannya yang sendiri dan sentiasa dikemas kini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin berkongsi sama dengan rakan-rakan kaola bagi menyokong bidang pertanian dikembangmajukan bagi meningkatkan pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan mengalakkan supaya penduduk dan rakyat negara ini terutama para belia serta lepasan graduan-graduan supaya tampil ke hadapan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk berani tampil berusaha sendiri bidang pertanian sama ada secara persendirian mahupun berkelompok.

Begitu juga bidang perikanan, perlulah dipertingkatkan lagi supaya negara ini tidak sepenuhnya bergantung pada bekalan dari luar negeri. Tiba sudah masanya negara kita berdikari dalam bidang permakanan terutama bidang pertanian dan perikanan. Khususnya kita

mandiri untuk menyara diri sendiri dan dua bidang ini.

Akhirnya sebagai penutup Ucapan Penangguhan ini, sekali lagi kaola merafakkan sembah menjunjung kasih atas kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kaola menganggotai Majlis yang mulia ini. Sekian

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke-13 oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam kesempatan ini dan di Dewan yang mulia ini kaola suka mengusulkan seperti yang sebelum ini kaola sebut secara ringkas dan kaola sambung dengan lagi lebih fokus berkenaan Kemajuan Pertanian supaya pihak kementerian membuat tawaran pada pihak pelabur tempatan dan asing bagi memajukan kawasan sempadan negara yang berpotensi dalam bidang pertanian

berskala besar *in a whole nation*. Mencipta pelbagai komoditi kebangsaan bagi meningkatkan *KDNK* negara.

Dengan kemajuan kawasan sempadan maka, *إن شاء الله*, aktiviti pelancongan juga dapat dimajukan. Ini juga menjadikan kemudahan pemantauan sempadan negara. Dengan adanya kemajuan, sendirinya ada jalan raya di sempadan negara, jika ia bermanfaat, diusulkan dimasukkan ke dalam projek *RKN* dalam perancangan jangka panjang yang memerlukan kajian terperinci. Dicadangkan dalam Dewan mulia ini, supaya Bank Usahawan Brunei membuka skim memulakan perniagaan (*started business*). Pinjaman-pinjaman *overdraft less of credit (LC)* dan lain-lain.

Kaola suka merujuk istilah pemohon yang layak mendapat pinjaman menjadikan ada kemungkinan pemohon yang tidak layak. Kaola suka mencadangkan seperti bahasa orang tua-tua Brunei "kelasai kelanyak, kelamit kelikit projek besar dapat banyak, projek damit dapat sedikit".

Ertinya semua yang memohon seboleh-bolehnya layak. Jadikanlah rakyat Brunei yang ingin berniaga dan memohon modal perniagaan semua layak maka memang kita akur setiap ringgit wang kerajaan yang disalurkan punya peraturan.

Tetapi dalam masa yang sama rakyat memerlukan ihsan daripada kerajaan untuk menjalani hidup di negara yang tercinta ini yang memang terkenal

dengan kekayaan. Dengan cara ini dapat membantu semua lapisan rakyat menikmati kekayaan negara. Maka kesimbangan *distribution of will* akan terjadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dicadangkan pembinaan *fly over* bagi keperluan penduduk Telanai, Medewa dan Tasik Meradun yang setiap hari-hari bekerja terpaksa menghadapi *que* yang panjang untuk membuat *u-turn*. Dicadangkan pelaksanaan peraturan dan undang-undang dilaksanakan tegas lembut dan berhemah. Tegas bukan bererti zalim, lembut bukan bererti lemah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka untuk menyambung cadangan koperasi supaya pihak tertentu membuat infomasi signifikan menjadikan koperasi sebagai wadah penyatuan perniagaan dan usahawan rakyat Brunei senegara.

Dengan ini kita boleh meniru cara orang asing Brunei yang dominan dalam perniagaan runcit, kedai buku dan sebagainya. Walaupun hanya sekadar menumpang negara dan tumpang nama syarikat. Tapi hasil adalah milik mereka yang menjadikan mereka jutawan kedai runcit, jutawan kedai buku dan sebagainya.

Bagi orang asing hari ini mereka membuka kedai runcit dalam masa seminggu sudah dipenuhi dengan barangan. Mengikut maklumat mereka mendapat sokongan dan bantuan dan *supply* barangan yang sistem bayaran

bulanan (*consignment*) selepas satu bulan, 2 bulan atau 3 bulan melalui kesepaduan mereka.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola membawa amanat sebahagian Penghulu dan Ketua Kampung mudahan kaola terlepas dari keberatan. Merujuk Skim Penghulu dan Ketua Kampung selaku pemimpin akar umbi dan selaku rakyat juga berhak bergembira tetapi kegembiraan itu bertukar kepada dukacita apabila penamatan perkhidmatan beramai-ramai kerana pertukaran Skim 1958 pada 2013.

Pada hal sebelum ini, sangat-sangat ditunggu diharap sebagai sesuatu kegembiraan. Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Jubli Emas, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki tahta. *"Sejarah beta juga sejarah bangsa dan negara, siapa beta selaku raja. Tidak boleh putus hubungan bangsa dan negara. Beta tetap berkongsi sejarah dengan mereka. Kerana itulah perayaan itu menjadi milik bersama antara beta selaku raja dan rakyat jelata. Kalau beta dilihat gembira maka rakyat juga berhak untuk bergembira. Jika beta bersyukur maka rakyat juga patut bersyukur."*

Seperti mana Khutbah Jumaat pada 9 Mac 2018 seperti berikut:

"Kehidupan dunia bukanlah satu matlamat yang dicari-cari dan dikejar. Sebaliknya dunia hanyalah wasilah atau wadah menuju ke arah kehidupan di akhirat. Dunia itu umpama satu jambatan dan akhirat itu umpama tempat perhentian dan destinasi kekal buat selama-lamanya".

Berlandaskan pada titah dan khutbah di atas walaupun dunia sebagai jambatan menuju destinasi akhirat sedangkan sebahagian Penghulu dan Ketua Kampung masih menanggung hutang yang perlu dibayar mengikut tempoh perkhidmatan yang sepatutnya apabila diserapkan ke dalam Skim 2013. Walaupun sebelum ini mereka sudah berkhidmat 10 tahun ke atas tetapi itu dalam perkhidmatan skim 1958. Tidak patutlah perkhidmatan itu dikira sebagai perkhidmatan dalam Skim 2013.

Diusulkan dan mohon dapat ditawarkan berkenaan penamatan perkhidmatan sebahagian Penghulu dan Ketua Kampung yang dibuat pada masa ini kerana mengakibatkan dukacita bukan kegembiraan.

Selaku rakyat sangat bersyukur hidup dan bernaung di bawah kepimpinan raja kita. Didoakan sentiasa dikurniakan hidayah dan reda Allah selama-lamanya serta pengganti-pengganti baginda memerintah Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka membawa tema sempena Musabaqah Al-Quran Peringkat Dewasa 2018 yang berbunyi "Al-Quran Sumber Kepimpinan Adil" Kaola akhiri hujah ini

dengan memetik 2 ayat dari Surah Al-Alzalalah yang berbunyi

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
 فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ
 وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Kaola bawa sebuah pantun,

*Kalau ada jarum yang patah
 Jangan disimpan di dalam peti
 Kalau ada kata yang salah
 Diharap jangan dendam di hati.*

Demikianlah Yang Berhormat Yang Di-Petua. Semoga Allah memberkati dengan rahmatnya jua. Sekian terima kasih. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penanguhan seterusnya akan dibawakan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
 وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan hati yang tulus ikhlas merakamkan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin sepanjang

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Yang Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini kerana telah dapat menjalankan dengan lancar, teratur dan mencapai seperti mana yang dihasratkan.

Begitu juga ucapan penghargaan dan terima kasih setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis dan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat. Alhamdulillah, Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas, telah pun sampai ke penghujungnya. Di Dewan ini, marilah kita sama-sama mensyukuri atas limpah nikmat dan rahmat rezeki Allah Subhanahu Wataala kepada rakyat dan negara serta dengan berkat daulat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita sentiasa aman, damai dan makmur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sungguhpun kita sama menyedari bahawa pada kebelakangan ini keadaan kewangan kita tidak tentu, namun pada hakikatnya kemampuan kewangan negara dalam keadaan terhad ekoran kejatuhan harga minyak yang belum stabil.

Namun kerajaan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja yang berdaulat dan kita kasihi masih saja mampu untuk menyediakan sejumlah peruntukan yang besar untuk Tahun Kewangan Tahun 2018/2019.

Ini membuktikan komitmen penuh kerajaan baginda untuk memastikan kelancaran pembangunan negara dalam pelbagai bidang dan lebih utama lagi menyediakan berbagai-bagai bentuk kemudahan demi kesejahteraan rakyat negara ini.

Segenap lapisan rakyat negara ini seharusnya prihatin dengan situasi ekonomi negara dan memahami keadaan yang sebenarnya dan dalam masa yang sama terus menyokong dan mendukung apa jua usaha yang berterusan kerajaan untuk memastikan keselesaan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat serta keperluan dan kepentingan rakyat sentiasa terpelihara.

Dengan pemberian peruntukan Perbelanjaan Tahun 2018/2019 kepada semua kementerian mengikut keperluan. Kita berharap maka perancangan akan direalisasikan secara yang berhemah yakni *value for money* serta tercapainya "Wawasan Brunei 2035" secara yang terarah dan terancang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seterusnya kaola bagi mewakili segenap lapisan rakyat dan penduduk Zon 2 Daerah Brunei dan Muara menyambut baik apa juga rancangan yang akan disusun atur

oleh semua kementerian yang akan dilaksanakan pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya termasuklah projek-projek yang sedia ada dan sedang giat dilaksanakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Bagi mengakhiri ucapan kaola sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk Zon 2 Daerah Brunei dan Muara, kaola menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan baginda yang mendalam kepada rakyat baginda.

Abiskaola berdo'a ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda akan sentiasa dalam peliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola mengundurkan diri kaola ingin menyampaikan tiga rangkap pantun:

*Dari Muara turun memukat,
Pantai Serasa kapal merapat,
Wakil bersuara membantu rakyat,
Semoga kesejahteraan diraih
kemanfaatannya.*

*Mukim Serasa Mukim Mentiri,
Berbagai kaum berbagai bangsa,
Rasa hati untuk negeri,
Biar berjariah asalkan semua dapat
merasa.*

*Mana Mengkuang saya lipatkan,
Mana ditebang si pohon Jati,
Segala yang kurang harap maafkan,
Semoga kita dapat berjumpa lagi.*

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية السَّلامَ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةَ اللَّهِ وَبَرَكَاتِهِ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang ke 15 akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi kerana Jawatan, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Kaola amat bersyukur kepada Allah dengan

izin-Nya juga kaola dapat bersama-sama dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas bagi tahun 1439 bersamaan tahun 2018 selaku mewakili Zon 1 Daerah Belait dalam Dewan yang mulia ini, sehinggalah menghampiri pada saat-saat akan berakhirnya musim Permesyuaratan keempat belas ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melalui ruang keemasan ini kaola dengan rasa amat sukacita mengucapkan tahniah dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kelancaran dan kesempurnaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin Persidangan Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini dengan muhibah dapat membina kesefahaman dan rasa silaturahim sepanjang Persidangan yang mulia ini.

Kaola juga dengan rasa tulus ikhlas merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan juga Yang Mulia Timbalan Jurutulis Mesyuarat Negara kerana berjaya bersama-sama mengunghayahkan kelancaran dan kesempurnaan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola selaku Ahli Yang Dilantik bagi kawasan Zon 1 Daerah Belait iaitu mewakili Mukim Liang dan Mukim Seria dengan penuh hormat merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan memberikan mukadimah yang cukup jelas dan di samping itu

kesediaan Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan menerima persoalan pandangan dan saranan yang diutarakan dalam permuzakaran dalam membahaskan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 bagi kementerian-kementerian Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Melalui Ucapan Penangguhan ini, kaola menaruh keyakinan dan penuh berharap bahawa secara umumnya kementerian-kementerian telah bersedia bagi menjalankan perancangan-perancangan dan projek-projek termasuklah RKN11 sebagaimana peruntukan perbelanjaan 2018/2019. Kaola dan seluruh masyarakat yang kaola wakili dalam Zon 1 Daerah Belait memberikan sokongan yang penuh dan semoga kementerian-kementerian akan mencapai matlamat sesuai dengan wawasan kementerian-kementerian ke arah "Wawasan Brunei 2035".

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola sesungguhnya amat menyambut baik Ucapan Penangguhan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Akhir kalam, kaola dengan penuh hormat dan takzimnya sukacita memohon kemaafan segala apa jua kekhilafan dan keterlanjuran, suruk langkah dan bahasa yang tidak sepatunya, terutama kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta semua warga Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang terlibat sama dalam persediaan dan kesempurnaan Majlis yang mulia ini.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan berikutnya ialah yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ *السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*
dan salam sejahtera.

*الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Syukur kaola panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah rahmat serta keizinan-Nya jua dapatlah kaola sekali lagi duduk bersidang dalam

Dewan yang mulia ini hingga ke hari ini bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat menghadiri Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara tahun 2018 bagi membincangkan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019, Tahun Kewangan 2018/2019.

Tahniah kaola sampaikan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana berjaya memimpin serta meneraju perjalanan mesyuarat ini dengan jayanya. Begitu juga kepada Yang Dimulihkan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat atas komitmen yang tinggi dalam peranan masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola sebagai Ahli Yang Berhormat dari Zon 2, Daerah Belait dan mewakili mukim-mukim dari pedalaman iaitu Mukim Kuala Belait dan Mukim Kuala Balai serta selaku pemimpin akar umbi setentunya memikul amanat yang berat dan sewajarnya menyampaikan apa jua yang diluahkan dari anak-anak buah kampung sebagai satu amanah yang perlu disampaikan dalam Majlis yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola penuh berharap apa yang disuarakan dalam mesyuarat ini akan diterima untuk dijadikan pemikiran demi kemajuan Daerah Belait khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.

Seperti kawasan-kawasan pedalaman Daerah Belait dapat dimajukan sebagai destinasi pelancongan yang lebih menarik seperti di Kawasan Teraja sesuai dengan rancangan untuk dijadikan Taman Bestari.

Banyak khazanah flora dan fauna yang tersimpan dalam hutan tersebut. Usaha untuk memperkenalkan kawasan air panas yang satu-satunya hanya terdapat di Mukim Melilas, Ulu Belait perlulah diambil manfaat untuk pelancongan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usaha-usaha dalam bidang industri dan pertanian juga harus dipercepatkan pelaksanaannya di kawasan pedalaman bagi mencapai target 2025 dan Wawasan Brunei 2035.

Aktiviti seumpama ini akan dapat menghidupkan atau mempertahankan kewujudan mukim-mukim di pedalaman setelah berbagai-bagai usaha untuk mengekalkan atau menghalang penduduk-penduduk kampung dan mukim berhijrah ke kawasan bandar kerana tuntutan hidup seperti mendapatkan rumah dan pekerjaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penaikan taraf jalan raya di pedalaman juga perlu diambil perhatian yang sewajarnya selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk memberi keselesaan dan keselamatan kepada penduduk luar bandar agar tidak ketinggalan dan tidak

jauh jurang kemajuannya dengan kemajuan bandar.

Pemikiran untuk mewujudkan jalan penghubung Mukim Labi Kuala Balai haruslah dilihat secara positif dan ke hadapan dari berbagai-bagai sudut seperti penjana ekonomi, pelancongan, keselamatan dan pembangunan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pembangunan Daerah Belait juga perlu diselaraskan. Kehendak tuntutan belia di Daerah Belait juga perlu diambil kira. Bangunan Pusat Belia perlu dibangunkan sebagai pusat pentadbiran belia di Daerah Belait.

Demikian juga pembangunan Pusat Pembangunan Belia di Daerah Belait supaya mempunyai bangunan sendiri untuk memperbanyakkan lagi jenis kursus demi memberi ruang dan peluang kepada belia di Daerah Belait tanpa berhijrah ke daerah lain. Dalam erti kata, semua permasalahan mengenai kemudahan, keselamatan, keselesaan rakyat serta penduduk mestilah didengar, diteliti dan diambil tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Akhirnya, marilah kita sama-sama menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, supaya menerapkan minda, *mindset* yang positif kepada diri kita sendiri, masyarakat dan penduduk di Negara

Brunei Darussalam terutamanya dalam kesedaran memantapkan lagi ekonomi negara.

Kaola berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan petunjuk dan hidayah kepada kita semua ke arah jalan yang diredai-Nya jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyusun jari sepuluh memohon seikhlas keampunan serta kemaafan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai serta kakitangan, andainya terdapat kepincangan dalam bersuara, sumbang dalam berbahasa serta tingkah laku yang kurang sopan sepanjang menghadiri Mesyuarat ini, sesungguhnya yang kurang elok itu datangnya daripada kelemahan kaola dan yang baik itu datangnya daripada hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّامِعَاتِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penungguhan yang ke-17, yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong: السَّامِعَاتِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana

Jawatan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengambil kesempatan untuk menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas perkenan baginda mengurniakan peruntukan Belanjawan Tahun 2018/2019 yang baru saja selesai diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara sekarang ini.

Dalam kesempatan ini, kaola mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memimpin mesyuarat di Dewan yang mulia ini dengan cemerlang dengan dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam membahaskan Peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2018/2019 semua Ahli Yang Berhormat telah diberi kesempatan untuk bercakap serta memberikan pandangan dan cadangan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagaimana yang kita telah maklumi bahawa berikutan turunnya harga minyak dunia telah menjejaskan pendapatan negara-negara yang sumber utamanya bergantung pada minyak. Implikasi dari situasi tersebut telah mewujudkan impak besar terutama timbulnya isu pengangguran, hal yang sama juga berlaku kepada

negara kita Negara Brunei Darussalam. Pengangguran dalam kalangan graduan dari institusi pengajian tinggi tidak terkecuali terkena ketempiasan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ usaha kerajaan bagi menangani kadar pengangguran telah nampak sedikit pengurangannya oleh inisiatif program tertentu terutamanya *i-Ready, Job Centre Brunei*, Pusat Pembangunan Kapasiti dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam suasana iklim seperti ini, sebenarnya bagi pandangan kaola kita tidak boleh hanya melihat dari segi negatif sahaja, tetapi sebagai seorang Islam yang beriman kita juga dianjurkan melihat kepada hikmah di sebalik kejadian ini, kerana semua yang berlaku adalah ketentuan atas kuasa الله سبحانه وتعالى juga.

Salah satu hikmah yang sangat ketara ialah berlakunya perubahan budaya berfikir terutama dalam kalangan graduan institusi pengajian tinggi seperti kecenderungan tidak lagi memilih pekerjaan, timbulnya semangat berdikari, terbentuk sikap berjimat cermat dan seumpamanya.

Justeru itu, kaola berpandangan bahawa pada ketika inilah ruang yang sebaik-baiknya oleh pihak yang berkenaan sama ada pihak kerajaan atau swasta. Umpamanya Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama melakukan penilaian atau penyemakan semula keberhasilan sistem pendidikan terutamanya dalam *extracurriculum* dan bidang yang telah ditawarkan selama ini

iaitu dengan melihat sejauh manakah kesannya dan relevannya sistem yang ada.

Kurikulum dan bidang yang ditawarkan serta diterapkan selama ini telah berupaya membantu lepasan sekolah kita berprestasi dalam situasi masa kini sebagai ke arah pelajar yang dikatakan graduan *marketable*, graduan yang berjaya berjiwa besar dan mampu berdikari secara sendiri, graduan yang mampu menjadi tunas yang lebih dewasa dan lebih patriotik. Kaola juga berpandangan agar kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengenal pasti bidang-bidang yang berpotensi sebagai *marketable* dan juga bidang-bidang yang rendah pasaran untuk mendapatkan pekerjaan ataupun keperluan untuk membantu berpartisipasi dalam suasana ekonomi negara pada masa kini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh mengenai keusahawanan perlu dikembangkan bagi membina belia yang ingin bergiat aktif dalam perniagaan dan industri kecil dan sederhana, peluang yang memang tersedia ada perlu direbut dan belia perlu diberi peluang secukupnya.

Cuma apa yang penting bagaimana mereka itu memulakan, inilah yang nampaknya sukar bagi mereka. Bagi melaksanakan perkara ini, pihak yang berkenaan perlu memikirkan bagaimana cara merangsang belia ini bergiat dan meceburkan diri dalam keusahawanan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh perkembangan auto industri

dan pelancongan, kaola mengharapkan usaha berterusan termasuk dari segi strategi dan piawaian kualiti.

Perbekalan bahan mentah yang mampan, pemasaran dan memperkasa seperti produk termasuk juga produk Majlis Mukim dan Kampung dan nilai tambah termasuk kegiatan ekonomi kampung seperti industri pelancongan, *homestay* dan sebagainya.

Akhirnya kaola mengambil kesempatan memohon ampun dan maaf jika sekiranya ada berlaku kekasaran atau terlanjur bahasa dalam ucapan kaola ini. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan Penangguhan yang Ke 18 oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ

وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي . وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي .

وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي . يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat yang dihormati sekalian. Lebih dahulu mengambil kesempatan menyembahkan setinggi-tinggi terima kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan baginda mengurniakan peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 20189/2019 yang baru sahaja selesai diperbahaskan dan diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam Ucapan Penangguhan ini, kaola bergabung dengan kawan-kawan yang lain untuk menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertuan kerana dengan penuh kebijaksanaan dan kepimpinan maka majlis permesyuaratan berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh kemesraan dan harmoni. Pada masa yang sama kadangkala memberikan teguran yang membina, menyelesaikan beberapa masalah dengan jayanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidak lupa pula mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas sokongan mereka yang membantu kelancaran dan memberi kemudahan kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

Begitu juga ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan kerana telah berjaya memberikan penjelasan dan maklumat dari soalan dan cadangan kaola yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedaya upaya telah menjelaskan segala maklumat bagi

menjawab soalan dan cadangan kaola. Diharap mana-mana soalan kaola yang belum terjawab akan dapat dimaklumkan secara bertulis kemudian.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola wakil Zon 2 dari Daerah Tutong telah cuba sedaya upaya mengusulkan cadangan-cadangan yang dapat membantu pihak kerajaan dalam pembangunan negara.

Kaola telah mencadangkan berbagai-bagai isu sepanjang permesyuaratan ini, mudah-mudahan segala cadangan itu dapat tertunai oleh pihak-pihak berkenaan agar ia memberikan kesejahteraan rakyat dan kepentingan pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam membantu perkembangan pembangunan ekonomi negara selain dari sektor minyak dan gas, sektor pertanian adalah antara penyumbang utama.

Sebagai contoh, penanaman pokok rumbia ia adalah sejenis pokok palma yang tumbuh sehingga matang 10 ke 12 tahun, banyak terbiar dan tumbuh di kawasan-kawasan tanah paya gambut pedalaman di negara ini.

Ia memerlukan air yang banyak untuk tumbesarnya, maka mengurangkan risiko banjir di kawasan tertentu. Selain sagunya atau disebut juga sebagai ambulung merupakan sumber makanan kedua mula diminati sekarang ini. Dijual sebagai ambuyat di restoran-restoran di negara ini.

Ia juga berpotensi dalam nilai tambah menghasilkan berbagai-bagai produk bernilai komersial dan juga boleh dieksport. Antara negara yang menjadi pengimport tepung sagu ialah Jepun, Singapura dan Taiwan.

Tepung sagu selain menjadi biskut dan kek ia juga berpotensi menghasilkan metanol berbanding dengan tanaman-tanaman *biofuel* yang lain. Tepung sagu di pasaran antarabangsa mencecah \$400 satu tan metrik. Permintaan dunia terhadap kanji rumbia sekarang ini amat tinggi. Ia dapat juga dijadikan pelekat atau gam, agen pengawet makanan, pemekat makanan, pengevolusi, *carbon active*, papan *fiber*, campuran perisa ajinomoto, plastik, gula-gula gam, pelekat biodegradasi, produk *farmaseutikal*, kosmetik dan lain-lain.

Oleh itu, jika tanaman rumbia ini dikendali dengan secara terancang dan sistematik, ia mampu muncul sebagai industri sampingan yang lumayan di negara ini. Misalannya boleh diusahakan di Mukim Tanjung Maya, Mukim Ukong dan Mukim Rambai di Daerah Tutong, Kuala Balai di Daerah Belait dan Mukim Batu Apoi di Daerah Temburong.

Sehubungan itu, satu syarikat perlu ditubuhkan bagi membuat penyelidikan dan pembangunan berkaitan penanaman dan produk berasaskan sagu yang dapat memperkenalkan penanaman rumbia baka. Baka cepat membesar dan matang, boleh ditebang dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 tahun.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pembangunan negara kini banyak diswastakan dan dikorporatkan. Sehubungan itu, apa kiranya rakyat negara ini diberi peluang menyertainya sebagai ahli saham dengan membentuk satu perbadanan saham pelaburan rakyat yang dikendalikan oleh pihak kerajaan.

Dengan cara ini, wujud rasa tanggungjawab kepada rakyat seakan diri sendiri yang punya dan ada semangat sama-sama menjaga dan memelihara bangunan berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebagai daerah destinasi pelancongan, kawasan Daerah Tutong masih luas untuk diterokai. Umpamanya membangunkan seberang sungai Pekan Tutong, menaik taraf Kampung Budaya Taman Sungai Basong, memajukan Tanjung Danau sebagai tempat penginapan, restoran dan aktiviti memancing, memperbaiki jalan-jalan dan kemudahan-kemudahan di taman-taman rekreasi di Daerah Tutong yang sedia ada. Istana Pantai Daerah Tutong dijadikan galeri bagi menyimpan barangan atau gambar sejarah yang berkaitan dengan peranan istana ini pada zamannya.

Akhirnya kaola, dari Daerah Tutong memohon maaf kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahli Yang Berhormat serta pegawai dan kakitangan yang lainnya andainya

terdapat tutur kata dan suruk langkah yang kurang manis sepanjang Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Dalam kesempatan ini kaola berdoa ke hadrat Allah Subahanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Ahli Kerabat Diraja sekalian dilanjutkan usia dan sentiasa dalam keadaan sihat Wal'afiat dan penuh kesejahteraan serta sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subahanahu Wata'ala dan dipohonkan doa kita semua yang berada dalam Dewan ini serta keluarga kita beroleh rahmat, keberkatan, keredaan dan sentiasa dalam perlindungan Allah. Amin.

Akhirnya kaola sampaikan 4 rangkap usik pantun:

*Sayang tempua jejak angšana,
Cepat dingin syarat bidara,
Yang Di-Pertua bijak laksana,
Dapat memimpin Mesyuarat Negara*

*Hutan Serasa telah dirancang
Untuk lurus pasukan tentera
Jawatankuasa telah berbincang
Untuk melulus Peruntukan Negara*

*Bentuk lurus pasukan tentera
Salah Dititih Berbatu-Batu
Untuk Melulus Peruntukan Negara*

Telah diteliti satu per satu

*Menjerat kera madah keramat
Pohon taraf serumpun bangkita
Mesyuarat Negara sudahpun tamat
Mohon maaf ampun dipinta*

Sekian *وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Yang Dimuliakan Jurutulis: Ucapan penangguhan yang terakhir daripada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:

*أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ*

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagai memulakan ucapan kaola dengan hati yang tulus ikhlas dalam menyokong ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Ucapan Penangguhan sebentar tadi atas kepimpinan kebijaksanaan dan kesempurnaan yang teliti oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Laila Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib selaku Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam yang

telah memimpin sepanjang majlis Persidangan Majlis Mesyuarat ini dilangsungkan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas telah pun tiba ke penghujung dan akan melabuhkan tirainya. Dalam Dewan yang mulia ini marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah rahmat serta izin Nya negara kita telah dikurniakan dan menjadi sebuah negara yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja menuju Negara Zikir bagi menjadikan negara yang berkeadilan, maju jaya, aman damai lagi diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Keadaan yang dicapai itu adalah hasil berkat daulat serta kebijaksanaan kepimpinan yang berwibawa dan berwawasan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berpegang teguh dengan ajaran-ajaran agama Islam dengan berpandukan Al-Quran dan As-sunnah serta ijmak ulama, memartabatkan adat istiadat budaya Melayu ke tempat yang selayaknya sebagai warisan baginda kepada generasi masa hadapan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Negara kita yang masih bergantung pada penghasilan minyak dan gas walaupun harga minyak beturun menaik, namun

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih saja dapat mengekalkan serta mampu bertahan seperti biasa merancang pembangunan negara mengikut perancangan yang dibuat. Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian-kementerian telah pun mengatur dan menyediakan hala tuju masing-masing bagi memelihara kukuh kewangan negara serta mampu untuk menyediakan peruntukan yang besar untuk Tahun Kewangan 2018/2019 sesuai dengan tema belanjawan negara "Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi Bagi Memelihara Kemakmuran Negara".

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini sewajarnya mengambil ingatan dan memahami situasi yang dialami oleh negara pada masa ini dan dalam masa yang sama terus menerus bersatu padu, berganding bahu, bekerjasama dengan mendukung kepimpinan raja yang kita kasihi yang sentiasa mendahulukan kepentingan rakyat dan penduduknya di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Permesyuaratan Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Mesyuarat Negara, pada 5 Mac 2018.

Baginda sangat mengambil berat bidang ekonomi dan menerokai bidang tersebut dan menanganinya sehingga berhasil terutama bidang pertanian sangat mendesak dan diperlukan sehingga kita dapat berdikari dalam pemakanan khasnya untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras.

Dalam usaha menegenahkan Daerah Temburong di mata umum, terutama dalam menjadikan salah sebuah daerah pengeluar padi adalah sangat-sangat ditunggu-tunggu. Begitu juga dalam industri lain yang mesra alam serta meluruskan usaha menjadikan Daerah Temburong sebagai Pusat Pelancongan yang menarik untuk dikunjungi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga beberapa kali bertitah menyentuh falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Yang terbaharu baginda bertitah di Majlis Bersama Rakyat yang berada di Australia. *"Ini mencerminkan kepada kita betapa pentingnya falsafah MIB dipertahankan, dijulung setinggi-tingginya kerana ia merupakan sistem identiti negara, harga diri semangat kebruneian".*

Pada masa yang sama membayangkan akan kekhuatiran, akan kebimbangan baginda yang sangat mendalam mengenainya yang ada asasnya hingga baginda mendenda mereka yang mempertikaikan MIB mereka itu

bukanlah purih Brunei ataupun tidak berjiwa Brunei.

Sehubungan dengan itu, dalam Dewan yang mulia ini, kaola ingin mencadangkan supaya diwujudkan suatu Akta Peraturan Penguatkuasaan Kelangsungan MIB bagi mengawal, memelihara keberadaan MIB yang lebih ketat di bumi Brunei yang bertuah untuk selama-lamanya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Suatu peristiwa yang menyayat hati dan menyentuh perasaan yang sangat mendalam iaitu semasa Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam acara berbasikal "Bandarku Ceria" Sempena Hari Kebangsaan, bahawa baginda sanggup turun padang dengan keadaan hujan lebat hingga baginda basah kuyup.

Baginda tidak menghiraukan kesihatan dan keselamatan diri. Baginda tidak menghiraukan semua itu semata-mata ingin bersama rakyat baginda. Inilah namanya raja berjiwa rakyat. Antara raja dan rakyat tiada tembok pemisah. Peristiwa tersebut wajar diambil ingatan dan menjadi contoh serta pengajaran yang amat berguna khususnya generasi belia yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk ke hadapannya, kita ingin melihat dengan rasa sedar penuh keinsafan perubahan

landskap dalam upaya mengimbangi kehidupan bagi mempersiapkan generasi masa hadapan mampu bertahan dan bersemangat juang yang tinggi dalam mengekalkan keamanan, kemakmuran serta keselamatan khususnya dalam memberikan peluang kepada belia menceburkan diri dalam perusahaan, perdagangan dan perniagaan sangat terbuka luas.

Pihak yang berkenaan telah pun menyediakan berbagai-bagai kemudahan prasarana kemudahan pinjaman kewangan dan seumpamanya. Terpulanglah kepada belia itu sendiri menyahut seruan dan cabaran kerana kita tidak akan selama-lamanya bergantung pada pihak kerajaan dan dari hasil minyak dan gas sebagai sumber perekonomian.

Bagi mengakhiri Ucapan Penangguhan kaola di Dewan yang mulia ini, sekali lagi bagi mewakili rakyat dan penduduk di Daerah Temburong merafakkan sembah menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pemeduliaan dan keprihatinan baginda yang sangat mendalam terhadap rakyat baginda.

Sekali lagi kaola ingin menzahirkan dan menyembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus taat setia yang tidak berbelah bahagi dan senantiasa berdiri

teguh menabur bakti kepada raja, bangsa, agama dan negara yang tercinta.

Kaola juga merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda serta kerabat diraja akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala kekal qarar memerintah dari singgahsana kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara kita kekal seperti mana yang dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak 34 tahun yang lalu iaitu untuk selama-lamanya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljemaah.

Kaola mohon maaf jika terdapat kesalahan dan kesilapan yang tidak disengajakan dan sepanjang Persidangan Majlis Mesyuarat Negara berlangsung. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

وبالله التوفيق والهداية السَّلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. **الْحَمْدُ لِلَّهِ**
kita telah mendengar Ucapan-Ucapan

Penangguhan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan kita akan mendengar lagi Ucapan-Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, tapi sebelum itu saya kira cukuplah bagi kita sekarang dan kita tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kita akan bersidang semula pada petang nanti mulai dari pukul 2.30 petang.

Sekian وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)